Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

**DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : yang maksudnya : "Setiap amalan anak-anak Adam itu dilipatgandakan, satu kebajikan dilipatgandakan dengan 10 hingga 700 kali ganda. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman : Kecuali puasa, sesungguhnya puasa itu untuk kau Akulah yang akan memberi ganjaran pahalanya. Orang yang berpuasa itu telah meninggalkan nafsu syahwat, makan dan minum kerana Aku. Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan, kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika ia menjumpai Tuhannya. Dan bau mulut orang yang berpuasa di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala lebih harum dari wangian kasturi".**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.58 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.55 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 19 | 14 FEBRUARI 2026 / 1447 شعبان 26 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# BERANGKAT KE MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HUT JUBLI EMAS RPK ABDB

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**PENANJONG**, Rabu, 11 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, hari ini berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Jubli Emas Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB).

**>> Muka 3**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Emas Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.**

# Mesyuarat bincang Kertas Kerja Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam 1448H

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**BERAKAS**, Khamis, 12 Februari. - Bagi melancarkan pelaksanaan Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah, Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H bersidang petang tadi bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seperti lazimnya, mesyuarat berkenaan diadakan bagi membincangkan Kertas Kerja Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara sepanjang tahun 1448H, yang merangkumi penganjuran program-program, iaitu Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah Peringkat Negara bagi Tahun 1448H, Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448H Peringkat Negara, Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448H, Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448H, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1448H, dan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi Tahun 1448H, serta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1448H / 2027 Masihi.

Antara agenda utama yang dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan ialah cadangan tema bagi setiap Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H / 2027M, tarikh dan tempat mengadakan majlis, pengendali-pengendali bersama majlis, atur cara utama, perancangan acara-acara iringan, serta lantikan Ahli Jawatankuasa Bertindak, Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Kerja yang akan mengendalikan penganjuran majlis-majlis berkenaan.

**>> Muka 4**

# Merukyah anak bulan Ramadan, 17 Februari ini

**Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Februari. - Sebanyak lima lokasi telah dipilih bagi penglihatan anak bulan Ramadan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi seluruh negara pada petang Selasa, 29 Syaaban 1447 Hijrah bersamaan 17 Februari 2026 Masihi.

Menurut Siaran Akhbar Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Ramadan 1447H) adalah seperti berikut, iaitu Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong; dan Bangunan Hilal Bukit Lumut, Daerah Belait.

**>> Muka 3**

# Hargai hubungan kerjasama memacu kemajuan bersama

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**GADONG**, Jumaat, 13 Februari. - Bagi meraikan Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Islam di Republik Islam Iran Ke-47 (Hari Kebangsaan Republik Islam Iran), Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam (NBD) malam tadi mengadakan Majlis Resepsi yang berlangsung di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Hadir sama, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi dan isteri.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Kebangsaan Republik Islam Iran, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan Doa Selamat.

**>> Muka 6**

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



MENYOKONG pertumbuhan ekosistem *startup*, kekalkan perniagaan inovatif

Muka 6



MUSABAQAH Menghafaz Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan labuh tirai

Muka 8



SEMAI semangat perpaduan ASEAN

Muka 18



RENCANA

MENYELAMI keindahan seni taranum Al-Quran

Muka 28

PELITA BRUNEI

# Kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM lambang kasih sayang, keprihatinan raja



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan mengurniakan sabda bersempena Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada Selasa, 10 Februari 2026 di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**

ALHAMDULILLAH *Rabbil 'Alameen* segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya jua kita berpeluang untuk berkumpul pada hari ini bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Paduka Ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Marilah kita merafakkan kesyukuran, kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, alhamdulillah paduka ayahanda terus dapat melaksanakan kurnia peribadi baginda pada tahun ini bagi membolehkan semua lapisan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) berpeluang menikmati buah kurma kurnia peribadi paduka ayahanda sebagai juadah berbuka puasa sebagaimana kelazimannya dalam persediaan menyambut bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Kurnia peribadi paduka ayahanda seumpama ini telah menjadi amalan di negara ini di mana setiap kali menjelangnya bulan Ramadan, pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) akan giat mengatur langkah pada menanai tanggungjawab untuk mengagihkan buah-buah kurma kurnia peribadi paduka ayahanda sesempurnanya kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk berugama Islam di negara ini.

Malah amalan bersedekah ini juga akan terus menjadi asas dalam menghidupkan bulan Ramadan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 :

*"Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; pada tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan Allah melipatgandakan ganjaran bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui".*

Sesungguhnya setiap amalan sedekah yang dilakukan dengan penuh keikhlasan tidak akan disia-siakan, malah dijanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda sebagai rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang berbuat kebajikan dan kebaikan.

Sehubungan itu, kurnia kurma peribadi paduka ayahanda ini bukan sahaja akan membawa kelainan dalam kita menyambut bulan Ramadan di negara ini bahkan ianya terbukti dapat menyemai nilai kasih sayang dan perpaduan, ke arah mengukuhkan jalinan ukhuwah serta kesejahteraan masyarakat di NBD.

Di kesempatan ini, saya sukacita ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada YSHHB, kementerian dan jabatan kerajaan, pegawai-pegawai daerah, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan, para sukarelawan serta semua lapisan masyarakat yang terlibat yang telah bekerjasama dengan padu dan kukuh dalam mengurus dan mengendalikan amanah dan tanggungjawab yang berkebajikan ini dengan jayanya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga paduka ayahanda akan sentiasa dikurniakan kesihatan dan 'afiat yang berpanjangan, dimurahkan rezeki untuk terus melaksanakan kurnia peribadi baginda ini demi meraih rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**SESUNGGUHNYA setiap amalan sedekah yang dilakukan dengan penuh keikhlasan tidak akan disia-siakan, malah dijanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda sebagai rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang berbuat kebajikan dan kebaikan.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| FEBRUARI MASIHI | HARI | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14 | SABTU | 26 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 15 | AHAD | 27 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 16 | ISNIN | 28 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 17 | SELASA | 29 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.33 | 7.44 |
| 18 | RABU | 30 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 19 | KHAMIS | 1 RAMADAN | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 20 | JUMAAT | 2 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 30 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C |
| Kuala Belait | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 14 FEBRUARI 2026

# Memerangi penyakit kanser perlu kerjasama semua pihak

BERDASARKAN data yang diperoleh daripada Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam (NBD), pada tahun 2024, sebanyak 860 kes baharu kanser (357 lelaki dan 503 perempuan) telah direkodkan dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap NBD, dengan 88 kes baharu (24.6 peratus) dalam kalangan lelaki adalah disebabkan oleh kanser kolorektal, manakala 127 kes baharu (25.2 peratus) dalam kalangan perempuan adalah disebabkan oleh kanser payudara.

Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, iaitu 828 kes pada tahun 2023. Selain itu, pada tahun yang sama, sebanyak 368 kematian akibat kanser telah dicatatkan. Perkara ini telah dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Kanser Sedunia 2026.

Kanser kolorektal merupakan jenis kanser yang paling kerap dihidapi dalam kalangan lelaki, diikuti dengan kanser prostat dan kanser paru-paru. Manakala kanser payudara kekal sebagai kanser yang paling lazim dalam kalangan wanita, diikuti dengan kanser rahim (uterus), kanser kolorektal, dan kanser serviks.

Statistik tersebut menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa jenis kanser yang sering berlaku, tumpuan pencegahan dan pengesanan awal boleh memberi impak besar dalam mengurangkan kes dan mortaliti.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menasihatkan, langkah-langkah pencegahan merupakan asas penting dalam mengurangkan risiko kanser. Setiap individu digalakkan mengamalkan gaya hidup sihat, seperti berhenti merokok dan mengelakkan asap rokok, mengekalkan pemakanan seimbang dan mengawal berat badan; dan melakukan aktiviti fizikal secara konsisten, sekurang-kurangnya 30 minit sehari, lima kali seminggu.

Dari aspek pengesanan awal pula, Kementerian Kesihatan juga giat melaksanakan kempen kesedaran mengenai kanser yang boleh disaring pada peringkat awal, khususnya kanser payudara, kolorektal, dan serviks.

Yang Berhormat menyarankan orang ramai untuk mengikuti Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme) yang disediakan secara percuma kepada semua warganegara dan penduduk tetap (*stateless*) NBD.

Penyertaan aktif masyarakat dalam program saringan dan pendidikan kesihatan adalah kunci kejayaan utama dalam strategi melawan kanser.

Namun begitu, dalam menangani kanser bukanlah tanggungjawab sektor kesihatan sahaja bahkan kejayaan dalam memerangi penyakit kanser memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak, termasuk individu, keluarga, komuniti, tempat kerja serta generasi muda.

Sokongan sosial, keprihatinan dan sikap tidak menghakimi memainkan peranan besar dalam memberi kekuatan kepada mereka yang sedang menghadapi ujian kanser. Bagi penghidap kanser dan bekas pesakit kanser, ketabahan dan kesabaran mereka inilah yang memberikan inspirasi kepada seluruh masyarakat. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena HUT Jubli Emas RPK ABDB

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**>> Muka 1**

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen di Surau Asy-Syuja'ah, Perkhemahan RPK ABDB, Penanjong Garison dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut menjunjung, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Pegawai Pemerintah RPK ABDB.

Sejurus masuk waktu Maghrib, Azan berkumandang dan seterusnya mendirikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.







Majlis diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Khas sempena Sambutan HUT Jubli Emas RPK ABDB, yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung bagi Majlis Santap Malam.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Leftenan Kolonel Abdul Mujib.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB serta anggota-anggota RPK ABDB.

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung bagi Majlis Santap Malam (kanan), manakala gambar kiri, doa dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.**

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Emas Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB) (atas dan atas kiri).**




# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENGURNIAKAN NAMA CUCUNDA BAGINDA

**Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**YANG Amat Mulia Pengiran Anak Zahra Mariam Bolkiah (زهراء مريم بلقية) binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini memaklumkan bahawasanya :

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan amat sukacita telah mengurniakan nama kepada cucunda baginda, iaitu anakanda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, dengan nama: Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zahra Mariam Bolkiah (زهراء مريم بلقية) binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Dalam kesempatan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda seterusnya dengan sukacita mengurniakan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa meluaran tersebut dan juga kepada semua yang menyembahkan perutusan tahniah dan ucap selamat berikutan dengan meluaran cucunda baginda itu pada hari Ahad, 20 Syaaban 1447 bersamaan 8 Februari 2026, jam 8.50 pagi.

# Merukyah anak bulan Ramadan, 17 Februari ini

**>> Muka 1**

Berikutan dengan itu, pengumuman 1 Ramadan (awal puasa Ramadan) bagi Tahun 1447H / 2026M) akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik sahaja rukyah pada petang berkenaan diperoleh melalui pemakluman yang dilakukan melalui siaran RTB.

Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat - tempat berkenaan.

**Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara**

# MESYUARAT BINCANG KERTAS KERJA SAMBUTAN HARI-HARI KEBESARAN ISLAM 1448H



**MESYUARAT berkenaan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**>> Muka 1**

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H.

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, diikuti dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama pada mesyuarat berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Turut sama, Setiausaha-setiausaha Tetap kementerian-kementerian serta Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KHEU; dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam di Negara Brunei Darussalam akan terus disambut secara besar-besaran. Selain pelbagai acara keugamaan yang dikendalikan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkaitan serta di masjid-masjid, surau-surau, dan balai-balai ibadat seperti bacaan Doa Akhir dan Awal Tahun Hijrah, Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam juga diraikan di peringkat negara melalui penganjuran pelbagai majlis dan program yang telah dirancang.

Pihak jawatankuasa berharap agar Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan sepanjang tahun 1448H dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, tersusun dan sempurna, serta diisi dengan acara-acara yang bermanfaat.

Ini bertujuan untuk mengasuh dan memupuk semangat cintakan Allah Subhanahu Wata'ala, cintakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, cintakan ugama dan raja oleh seluruh rakyat dan penduduk, di samping meningkatkan lagi keimanan umat Islam khususnya di NBD.




# Memperkukuh semangat kecintaan kepada negara



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja serta Program Semarak Pengibaran Bendera di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**GADONG**, Khamis, 12 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum serta Jabatan Pendidikan Swasta dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja serta Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026.

Majlis berkenaan diadakan pada pagi tadi secara serentak di keempat-empat buah daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa.

Seterusnya, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengetua SUAMPRIPAHS, Dayangku Aidi Noorintan binti Pengiran Haji Md. Zinin.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera kecil meja kepada para pelajar sekolah berkenaan.

Majlis disusuli dengan bacaan ikrar oleh para pelajar sekolah sebelum diakhiri dengan persembahan koir lagu-lagu patriotik.

Penganjuran majlis seumpama berkenaan bertujuan untuk menyemai dan memperkukuh semangat kecintaan kepada negara serta patriotisme dalam kalangan warga sekolah, khususnya para pelajar, di samping memupuk jati diri dan semangat perpaduan selaras dengan aspirasi negara bersempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42.



**PENGANJURAN majlis seumpama berkenaan bertujuan untuk menyemai dan memperkukuh semangat kecintaan kepada negara serta patriotisme dalam kalangan warga sekolah, khususnya para pelajar, di samping memupuk jati diri dan semangat perpaduan selaras dengan aspirasi negara bersempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42.**

# MJPSHHB ANJUR MAJLIS TAHLIL ARWAH SEKAMPUNG



Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tahlil Arwah Sekampung yang diselajurkan dengan penyampaian infak serta Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid bagi Sesi 2025 hingga 2029 (atas dan kanan).**

**JANGSAK,** Khamis, 12 Februari. - Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah (MJPSHHB), Kampung Jangsak malam tadi telah mengadakan Majlis Tahlil Arwah Sekampung yang diselajurkan dengan penyampaian infak serta Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid bagi Sesi 2025 hingga 2029.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil Arwah kemudian diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Pada majlis berkenaan, seramai 12 keluarga kurang berkemampuan menerima sumbangan infak bagi membantu meringankan perbelanjaan harian mereka. Sementara itu, seramai 35 orang AJK Takmir Masjid bagi Sesi 2022 hingga 2025 menerima sijil penghargaan sebagai tanda pengiktirafan atas khidmat bakti yang telah dicurahkan, manakala seramai 47 AJK Takmir Masjid yang baharu bagi Sesi 2025 hingga 2029 menerima surat lantikan.

Penganjuran majlis berkenaan antara lain bertujuan untuk memperingati saudara-mara yang telah kembali ke rahmatullah dalam kalangan penduduk Kampung Jangsak, di samping membantu golongan yang memerlukan khususnya fakir miskin dan anak-anak yatim.

Selain itu, ia juga sebagai penghargaan kepada AJK Takmir Masjid yang terdahulu serta meraikan pelantikan AJK Takmir Masjid yang baharu.

Majlis berkenaan turut mencerminkan usaha berterusan untuk menjadikan MJPSHHB sebagai tempat ibadah yang kondusif, selesa dan menarik minat penduduk serta pengunjung, sekali gus memupuk rasa kekitaan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, ia diharap dapat membuka mata dan minda seluruh penduduk mengenai peranan masjid di Kampung Jangsak sebagai pusat ibadah dan pusat kegiatan kemasyarakatan melalui pelbagai aktiviti keagamaan.




# 76 pesara Kementerian Kesihatan terima penghargaan





**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil serta cenderamata kepada para pesara yang diraikan (atas kiri), manakala gambar atas, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.**

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Februari. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Penghargaan Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian Kesihatan Yang Bersara pada Tahun 2024 di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil serta cenderamata kepada para pesara yang diraikan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis berkenaan diadakan adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan atas dedikasi, komitmen serta sumbangan para pesara sepanjang tempoh perkhidmatan mereka dalam Perkhidmatan Awam, khususnya kepada Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai 76 pesara terdiri daripada 15 lelaki dan 61 perempuan menerima sijil dan cenderamata pada majlis berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim, dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Bakhtiar bin Pengiran Haji Ibrahim selaku Pengerusi Majlis.

Pengiran Mohammad Bakhtiar dalam ucapannya, antara lain menyatakan bahawa setelah berkhidmat dalam tempoh purata yang lama di sektor kerajaan, para pesara tentunya telah merencana kehidupan untuk melangkah ke fasa baharu atau sedang menikmati alam persaraan masing-masing.

Beliau menegaskan bahawa persaraan bukanlah garisan penamat, sebaliknya merupakan fasa peralihan daripada dunia profesional ke ruang peribadi yang lebih eksklusif. Persaraan juga merupakan permulaan kepada perjalanan kehidupan yang lebih bermakna, tenang dan penuh warna, di samping membuka ruang untuk meluangkan masa berkualiti bersama keluarga tersayang serta mencipta memori baharu.

Jelasnya lagi, fasa persaraan memberikan peluang kepada para pesara untuk melaksanakan program atau aktiviti yang sebelum ini tidak dapat dilaksanakan kerana keterbatasan waktu bertugas.

"Sehubungan itu, saya berharap agar masa terluang tersebut dimanfaatkan sebaiknya dengan perkara-perkara yang bermanfaat dan menguntungkan diri sendiri, keluarga serta masyarakat.

"Persaraan juga bukanlah titik noktah bagi seseorang untuk memberi sumbangan terhadap kemajuan negara," ujarnya lagi.

Mengakhiri ucapan, Pengiran Mohammad Bakhtiar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala sumbangan tenaga, masa dan buah fikiran para pesara sepanjang perkhidmatan mereka, yang telah membantu kementerian dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan menyumbang kepada kecemerlangan Kementerian Kesihatan.

Komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan jelasnya lagi, diharap akan menjadi contoh dan teladan kepada pegawai serta kakitangan yang masih berkhidmat.

Kementerian Kesihatan juga merakamkan penghargaan kepada semua pesara atas jasa dan khidmat bakti yang telah diberikan, yang akan terus menjadi inspirasi kepada warga kementerian dalam meneruskan amanah dan tanggungjawab memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, berdaya tahan dan berteraskan nilai profesionalisme.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berucap pada majlis berkenaan.

# MENYOKONG PERTUMBUHAN EKOSISTEM 'STARTUP', KEKALKAN PERNIAGAAN INOVATIF

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**GADONG**, Rabu, 11 Februari. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) hari ini secara rasmi melancarkan Brunei Startup Summit (BSS) 2026, dengan menghimpunkan lebih 500 peserta, terdiri daripada pengasas *startup*, inovator, pelabur, korporat, penggubal dasar dan rakan kongsi ekosistem dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rantau ini.

Hal ini mencerminkan peningkatan penglibatan merentas ekosistem *startup* dan minat yang semakin meningkat di NBD sebagai asas untuk membina, meningkatkan dan mengekalkan perniagaan yang inovatif.

BSS yang diadakan selama dua hari hingga esok mengambil tempat di Songket Ballroom, Tingkat 4, The Rizqun International Hotel menandakan platform yang menyokong pertumbuhan keusahawanan *startup* dan kerjasama serantau, mengukuhkan tumpuan NBD untuk membina ekonomi yang berdaya tahan dan dipacu inovasi.

Direka bentuk untuk menyampaikan nilai praktikal untuk pengasas dan perusahaan yang sedang berkembang, BSS ini menampilkan ucaptama, perbincangan panel, bengkel *hands-on*, pameran *startup* dan sesi *pitching*. Sesi ini memberi tumpuan kepada menangani cabaran perniagaan sebenar yang dihadapi oleh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan syarikat-syarikat *startup*, termasuk membina pasukan yang berdaya tahan, mencapai kesesuaian pasaran produk, realiti pengumpulan dana, penggunaan strategik data dan Kecerdasan Buatan, dan berkembang ke pasaran serantau.

Di sebalik perkongsian pengetahuan, BSS berkenaan menyediakan akses dan pendedahan terus kepada pelabur, rakan kongsi dan pemain ekosistem serantau. Melalui sesi rangkaian, peluang *pitching* dan pameran perniagaan, perusahaan yang mengambil bahagian dapat meneroka potensi kerjasama, laluan pembiayaan dan peluang pengembangan pasaran yang menyokong pertumbuhan perniagaan dan kemampanan jangka panjang.

Sidang Kemuncak itu juga menekankan peranan syarikat-syarikat *startup* dan PMKS yang inovatif sebagai penyumbang kepada kepelbagaian ekonomi dan penciptaan pekerjaan, khususnya dalam sektor berasaskan pengetahuan dan pertumbuhan tinggi. Dengan menyokong perusahaan yang berpotensi untuk meningkat, BSS menyumbang kepada pengukuhan rantaian bekalan tempatan, meningkatkan produktiviti, dan membolehkan perniagaan Brunei mengambil bahagian secara lebih aktif dalam rantaian nilai serantau dan global.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga selaku Pengerusi BEDB, dalam ucaptama semasa BSS 2026 antaranya menekankan bahawa syarikat *startup* memainkan peranan penting dalam memacu kepelbagaian ekonomi, produktiviti dan pertumbuhan yang diterajui oleh inovasi.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut menekankan bahawa apabila ekosistem *startup* Brunei terus matang, tumpuan mestilah *outward-looking*, memanfaatkan ketersambungan serantau, menjalin perkongsian strategik dan mengukuhkan kerjasama untuk membolehkan syarikat-syarikat *startup* Brunei melangkaui pasaran domestik dan mengambil bahagian secara bermakna dalam rantau Borneo, ASEAN, dan global dengan lebih luas.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong dalam ucapan alu-aluannya, menyatakan bahawa sementara ekosistem *startup* Brunei masih berkembang, bilangan pengasas yang semakin meningkat melangkah ke hadapan membina, menguji dan memperhalusi idea mereka adalah tanda kemajuan yang menggalakkan.

Beliau mengongsikan bahawa BSS bertujuan sebagai platform untuk pembelajaran dan pertukaran, menyatukan pengasas, industri pemimpin, pelabur dan rakan kongsi ekosistem untuk berkongsi pengalaman, perspektif dan pandangan dunia sebenar yang membantu syarikat-syarikat *startup* bersedia untuk peringkat pertumbuhan seterusnya dan meneroka peluang di luar sempadan.

Sidang kemuncak itu memberikan nilai ketara untuk pengasas dan bakal usahawan, dengan satu perkongsian pengasas *startup*.

"Sidang Kemuncak itu menyediakan pengetahuan praktikal dan akses kepada perhubungan yang berharga menggalakkan untuk melibatkan diri dengan pihak berkepentingan tempatan dan serantau yang memahami cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat *startup* dan terbuka untuk menyokong perjalanan pertumbuhan kami," katanya.

Bagi pengasas dan PMKS, sidang kemuncak menyediakan panduan praktikal mengenai pengukuhan pasukan, pencapaian kesesuaian pasaran produk, dan menggunakan data serta Kecerdasan Buatan untuk menambah baik keputusan perniagaan sehari-hari dan kecekapan operasi. Para peserta juga didedahkan dengan perspektif pelabur, pertimbangan kemasukan pasaran ASEAN dan jangkaan *pitching*, memberi mereka arahan yang lebih jelas untuk memperhalusi model perniagaan mereka, meningkatkan kesediaan pelaburan, dan mengejar pertumbuhan di luar Brunei.

Melalui platform seperti BSS, BEDB terus memperkukuh *pipeline* syarikat *startup* dan PMKS, membina keupayaan perusahaan dan menyokong pertumbuhan perniagaan berinovasi untuk mencipta pekerjaan perusahaan yang menyumbang secara bermakna kepada usaha mempelbagaikan ekonomi jangka panjang NBD.

Melalui kerjasama rapat dengan rakan kongsi ekosistem, BSS 2026 disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Unified National Networks (UNN), Baiduri Bank, Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Progresif, Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd. (RB), Kristal FM (KFM), Brunei Innovation Lab (BIL), Reactor School, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Bank Usahawan, Authority for Infocommunications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI), World Bank, Lab and Economic Research Institute untuk ASEAN dan Asia Timur yang menyumbang penyertaannya kepada pertukaran pandangan, penglibatan dan kerjasama yang menyokong pertumbuhan *startup* dan PMKS.

# Hargai hubungan kerjasama memacu kemajuan bersama





YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Republik Islam Iran Ke-47 (atas dan atas kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi dalam ucapannya, menekankan bahawa Revolusi Islam Iran bukan sekadar peralihan kuasa politik semata-mata, tetapi merupakan manifestasi kehendak negara yang pada tahun 1979 telah berjaya mengalahkan pemerintahan diktator yang bergantung kepada kuasa asing.

Revolusi berkenaan telah menjadi titik permulaan bagi penubuhan kedaulatan negara, pemerintahan rakyat, dan pemulihan maruah serta kemerdekaan negara Republik Islam Iran, tambah Tuan Yang Terutama lagi.

Sepanjang lima dekad yang lalu, TYT menjelaskan meskipun berhadapan dengan pelbagai tekanan dan sekatan yang tidak adil, Republik Islam Iran telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelbagai bidang seperti sains dan teknologi, kesihatan, perindustrian, dan pembangunan infrastruktur dengan bergantung kepada keupayaan dalam negeri dan tenaga manusia yang berkebolehan.

TYT turut menyentuh mengenai isu global yang penting, terutamanya keadaan di Gaza, yang digambarkannya bukan sekadar peperangan atau isu politik semata-mata, tetapi adalah satu ujian terhadap keadilan, undang-undang antarabangsa, dan ketertiban dunia.

TYT seterusnya menegaskan bahawa apa yang berlaku di Palestin adalah pembinasaan yang disengajakan terhadap kehidupan orang awam secara besar-besaran, dan ia adalah satu pembunuhan beramai-ramai.

Menurut TYT, keamanan dan kestabilan hanya dapat dicapai melalui kebertanggungjawaban, pengakhiran pendudukan, dan realisasi hak-hak rakyat Palestin.

Dalam konteks hubungan dua hala, TYT menyatakan bahawa Republik Islam Iran sangat menghargai hubungan dengan NBD yang telah terjalin erat selama lebih tiga dekad atas dasar saling hormat-menghormati.

Kemuncak majlis ialah memotong kek ulang tahun yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama dengan TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD.



NBD dan Republik Islam Iran antara dua buah negara yang mempunyai persamaan dari segi sejarah, budaya dan agama serta mempunyai banyak minat sama yang membuatkan kedua-dua buah negara lebih rapat dan meningkatkan hubungan serta kerjasama dalam pelbagai aspek.

# PROJEK SINAR MERCU TANDA TENAGA SOLAR TERBESAR NBD



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap.**

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**MUARA**, Khamis, 12 Februari. - Project Sustainable Integration of Natural and Renewable Energy atau Projek SINAR yang dirasmikan hari ini menandakan satu detik penting dalam perjalanan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah masa depan perindustrian yang mampan.

Projek SINAR merupakan penyelarasan strategik dengan aspirasi iklim kebangsaan NBD. Dengan kapasiti sekitar 51 Megawatt Peak (MWp), ia merupakan kemudahan penjanaan tenaga solar terbesar di NBD setakat ini.

Dari segi komitmen terhadap iklim, projek ini menyokong sasaran yang ditetapkan oleh Sekretariat Perubahan Iklim NBD untuk mencapai 30 peratus kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2035.

Demikian dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Perasmian Projek SINAR, berlangsung di Ibu Pejabat Hengyi Industries, Pulau Muara Besar, hari ini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-15 Hengyi Industries, kita menelusuri sebuah kerjasama yang telah berkembang seiring dengan pembangunan NBD.

Sejak penubuhannya, Hengyi Industries telah menjadi antara peneraju utama dalam sektor tenaga hiliran negara, menterjemahkan kejayaan perindustrian kepada peluang untuk NBD melalui penyediaan pekerjaan tempatan, pembangunan kemahiran khusus dan pembinaan kapasiti jangka panjang.

"Perjalanan ini tidak terhenti di sini. Dengan sokongan dan komitmen para pemegang saham, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Strategic Development Capital Fund, Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Zhejiang Hengyi Group - Hengyi Industries bakal melaksanakan peluasan signifikan dalam beberapa bulan akan datang.

"Dijadualkan siap menjelang awal tahun 2029, peluasan ini akan menggandakan hampir tiga kali kapasiti pengeluaran loji penapisan - daripada 8 juta kepada 20 juta tan metrik setahun. Peningkatan ini bukan sahaja dari segi jumlah, malah juga dari segi nilai yang dijana," ujar Yang Berhormat.

Projek SINAR, tambah Yang Berhormat, merupakan nadi penting dalam konteks Pelan Induk Ekonomi NBD. Ketika negara giat memperkasa sektor bukan minyak dan gas, Projek SINAR menyediakan asas mampan bagi menyokong pertumbuhan tersebut.

"Kita juga sedang menyertai gerakan global hab perindustrian yang bukan lagi sekadar pengguna tenaga, tetapi menjadi peneraju dalam penyediaan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui. Ini selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 - memperhalusi sumber dan pendekatan kita bagi membina masa depan yang berdaya tahan, hijau dan makmur," terang Yang Berhormat.

Dalam mengakhiri ucapan, Yang Berhormat berkata, kerjasama antara NBD dan Hengyi Industries adalah berteraskan cita-cita bersama. Melihat ke hadapan, Yang Berhormat yakin hubungan strategik ini akan terus membawa manfaat yang bermakna kepada rakyat dan perniagaan negara.

# Hengyi Industries lancar Projek SINAR






**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada perasmian Projek Sustainable Integration of Natural and Renewable Energy (Projek SINAR) (atas). Sementara gambar atas kanan dan bawah, Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri serta para tetamu dibawa melawat Ladang Solar Hengyi Industries bagi melihat secara lebih dekat bagaimana sistem tersebut diintegrasikan ke dalam operasi loji penapisan.**

**MUARA**, Khamis, 12 Februari. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) menandakan satu pencapaian penting dalam langkah kelestariannya dengan perasmian Projek Sustainable Integration of Natural and Renewable Energy (Projek SINAR).

Projek ini merupakan satu langkah signifikan ke hadapan dalam mengintegrasikan tenaga boleh diperbaharui ke dalam operasi penapisan petrokimia syarikat, selaras dengan matlamat tenaga boleh diperbaharui Negara Brunei Darussalam (NBD).



Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Hengyi Industries serta Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Awang Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Hengyi Industries; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah dan Duta Besar Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun serta pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Hengyi Industries Sdn. Bhd., Chen Lian Cai dalam ucapannya menekankan kepentingan Projek SINAR dalam mengintegrasikan tenaga solar boleh diperbaharui ke dalam operasi penapisan.

Beliau menegaskan peranan projek tersebut dalam mengurangkan pelepasan karbon serta memajukan amalan perindustrian yang lebih cekap tenaga dan mesra alam, di samping menegaskan komitmen Hengyi Industries terhadap pembangunan industri yang bertanggungjawab selaras dengan aspirasi iklim jangka panjang NBD.

Majlis juga menyaksikan tayangan video yang memberikan gambaran menyeluruh mengenai pembangunan dan pelaksanaan teknikal projek berkenaan, diikuti dengan ucapan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Dijadualkan siap menjelang awal tahun 2029, peluasan ini akan menggandakan hampir tiga kali kapasiti pengeluaran loji penapisan, meningkatkan *output* daripada 8 juta kepada 20 juta tan metrik setahun. Ini bukan sahaja mewakili peningkatan jumlah pengeluaran, malah turut memperkukuh penciptaan nilai, seterusnya mengukuhkan industri hiliran dan daya tahan ekonomi NBD.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri serta para tetamu kemudiannya dibawa melawat Ladang Solar Hengyi Industries bagi melihat secara lebih dekat bagaimana sistem tersebut diintegrasikan ke dalam operasi loji penapisan. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai di Ladang Solar berkenaan.

Dilancarkan secara rasmi pada 23 Oktober 2024, Projek SINAR merupakan inisiatif tenaga solar berskala besar yang dibangunkan bagi membekalkan tenaga boleh diperbaharui kepada Loji Penapisan Petrokimia Hengyi Industries.

Bermula dengan Fasa 1 projek yang dipasang dan dilaksanakan sepenuhnya oleh pasukan Hengyi Industries sendiri, projek ini meliputi kawasan seluas 36 hektar dan merangkumi 80,374 panel fotovoltaik, masing-masing berkapasiti 630W, disokong oleh penyimpanan tenaga sebanyak 24MWh, dengan jumlah kapasiti terpasang melebihi 50MWp.

Kerja-kerja pembinaan dan pemasangan bermula tahun lalu dan keseluruhan sistem solar PV berjaya disiapkan dalam tempoh kurang daripada setahun. Sebagai inisiatif solar terbesar di NBD setakat ini, Projek SINAR merupakan satu mercu tanda penting bagi Hengyi Industries dan landskap tenaga boleh diperbaharui negara.

Selepas pentauliahan Fasa 1, projek ini dijangka menjana sehingga 84,000MWh tenaga elektrik bersih setiap tahun, membekalkan kira-kira 7 peratus daripada keseluruhan keperluan tenaga fasiliti tersebut.

Dari segi impak alam sekitar, Projek SINAR dijangkakan dapat mengurangkan pelepasan karbon sehingga kira-kira 137,180 tan $CO_2$ setahun, bersamaan dengan penanaman kira-kira 17,000 hektar pokok.

Projek ini turut menyokong sasaran Pejabat Perubahan Iklim NBD untuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui kepada sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah kapasiti terpasang menjelang tahun 2035.

Tahun ini juga menandakan ulang tahun ke-15 penubuhan Hengyi Industries di NBD. Sejak kelulusan rasmi Projek Petrokimia Pulau Muara Besar pada tahun 2011, Hengyi Industries telah bekerjasama rapat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan loji penapisan petrokimia bertaraf dunia yang menyumbang secara signifikan kepada industri hiliran dan landskap ekonomi negara.

Berpandukan kecemerlangan operasi, inovasi dan kelestarian perniagaan, syarikat tersebut terus menyokong matlamat pembangunan jangka panjang NBD, termasuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

PELITA BRUNEI

# Musabaqah Menghafaz Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan labuh tirai

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sagu Hati kepada para peserta dan cenderamata kepada para hakim Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H (atas dan bawah kanan).**

**BERAKAS,** Rabu, 11 Februari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah yang telah diadakan selama dua hari, bermula Selasa, 10 Februari 2026 di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, melabuhkan tirainya hari ini, dengan Majlis Penyampaian Sagu Hati kepada para peserta dan cenderamata kepada para hakim Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H antara lain menyatakan bahawa musabaqah berkenaan bertujuan menyemai dan memupuk kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam khususnya golongan belia, remaja dan kanak-kanak, sekali gus menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan lebih ramai penghafaz Al-Quran di negara ini.

Pada tahun ini jelasnya lagi, seramai 364 calon telah mendaftar, menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pengiran Dr. Haji Amiruddin seterusnya berkata, peserta telah melalui tiga peringkat pertandingan, iaitu saringan, separuh akhir dan akhir. Musabaqah peringkat akhir dijalankan selama dua hari melibatkan lima kategori, dan keputusan akan diumumkan sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara.

"Sebagai penambahbaikan, sistem pemarkahan telah didigitalkan bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penghakiman, di samping siaran langsung melalui platform media sosial rasmi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran (PPPQ) MABIMS," ujarnya.

Majlis diteruskan dengan musabaqah bagi Kategori 'E' yang memperdengarkan seramai lima peserta lelaki bertanding bagi kategori berkenaan.

Kemuncak majlis ialah penyampaian sagu hati kepada para peserta dan cenderamata kepada para hakim musabaqah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Pada tahun ini, seramai 25 peserta telah memperdengarkan hafazan masing-masing dalam musabaqah berkenaan. Daripada jumlah tersebut, penyertaan peserta perempuan adalah lebih menggalakkan, iaitu seramai 18 orang, manakala peserta lelaki seramai tujuh orang.

Musabaqah berkenaan dibahagikan kepada lima kategori, dengan setiap kategori menampilkan lima peserta.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta para pegawai kanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan juga para jemputan daripada agensi-agensi kerajaan dan institusi-institusi pengajian berkenaan.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H bertujuan untuk menggalakkan umat Islam di negara ini agar mendekatkan diri untuk mencintai Al-Quran dan menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian.

Di samping itu, ia bertujuan untuk memupuk minat yang lebih mendalam terutama dalam kalangan kanak-kanak dan remaja untuk menguasai tajwid, hafazan serta tafsirannya, selain menyemarakkan semangat persaingan yang sihat dalam menghafaz Al-Quran.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya merupakan salah satu projek tahunan KHEU melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bertujuan menyemarakkan Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam serta menjadi antara pengisian utama dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan pada bulan Ramadan setiap tahun.



# MEMPERKUKUH KERJASAMA PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR, PERUBAHAN IKLIM




**YANG Berhormat Menteri Pembangunan menghadiri mesyuarat bagi Pertukaran Lawatan Tahunan Brunei Darussalam-Republik Singapura (BSAEV) Ke-18.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**JERUDONG**, Rabu, 11 Februari. - Pertukaran Lawatan Tahunan Brunei Darussalam-Republik Singapura (BSAEV) Ke-18, di bawah rangka Memorandum Persefahaman (MoU) Dua Hala mengenai Hal Ehwal Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang diperbaharui pada tahun 2022, diadakan di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 11 Februari 2026.

Sehubungan itu, mesyuarat bagi BSAEV Ke-18 berkenaan diadakan pagi tadi, bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Delegasi NBD diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, dan terdiri daripada Setiausaha Tetap, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BCCO), Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD).

Manakala Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar, Republik Singapura, Puan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien, mengetuai delegasi Republik Singapura yang terdiri daripada Setiausaha Tetap, Mr. Melvyn Ong dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kelestarian dan Alam Sekitar, Agensi Alam Sekitar Kebangsaan dan PUB (Agensi Air Kebangsaan Singapura).

Semasa mesyuarat tersebut, menteri-menteri menegaskan semula hubungan dua hala yang kukuh di antara NBD dan Republik Singapura serta mengesahkan komitmen untuk memupuk perkembangan yang berterusan dan mengukuhkan kerjasama dalam perlindungan alam sekitar dan perubahan iklim.

Menteri-menteri juga mengambil maklum mengenai perkembangan projek-projek dan program-program yang telah dilaksanakan oleh kedua-dua buah negara dalam bidang pengurusan sisa pepejal, pengurusan kualiti udara, pengurusan sumber air, program belia alam sekitar, dan perubahan iklim.

NBD menekankan usaha-usaha terbaharunya dalam pengurusan sisa pepejal, termasuk Inisiatif Eco-Food Waste, perkembangan terkini mengenai pembangunan Tenaga daripada Sisa (Waste-to-Energy, WtE) dan penguatkuasaan yang dipertingkatkan di bawah Operasi Langis, manakala Republik Singapura berkongsi pendekatannya mengenai import bahan kitar semula sebagai bahan mentah.

Menteri-menteri turut mengambil maklum mengenai kemajuan dalam pengurusan kualiti udara, termasuk maklumat dari NBD mengenai rangkaian pemantauan udara ambien, penggunaan sensor kualiti udara kos rendah, dan penyertaan dalam Projek CASA.

Kedua-dua buah negara seterusnya membincangkan mengenai kepentingan ekonomi kitaran (*circular economy*) dan mengalu-alukan peluang lanjut untuk meneroka kerjasama serantau dalam bidang tersebut.

Menteri-menteri kemudiannya mengambil maklum mengenai perkembangan kerjasama pengurusan sumber air, termasuk kolaborasi berterusan NBD dan Republik Singapura sejak tahun 2024 dan perbincangan dalam talian di antara kedua-dua buah negara baru-baru ini.

Republik Singapura juga mengongsikan usaha terkininya dalam pengurusan sumber air, termasuk pembesaran Loji Reklamasi Air Changi (Changi Water Reclamation Plant (WRP)) dan kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan bagi Sistem Terowong Kumbahan Dalam Fasa 2 (Deep Tunnel Sewerage System - DTSS Phase 2).

Menteri-menteri turut mengambil maklum usaha NBD perihal program dan aktiviti belia untuk alam sekitar sejak tahun 2024, termasuk inisiatif-inisiatif kesedaran alam sekitar yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan dan program-program alam sekitar berfokuskan belia di bawah Kementerian Pendidikan.

Menteri-menteri seterusnya mengambil maklum mengenai perkembangan terkini berkaitan perubahan iklim, termasuk dasar-dasar perubahan iklim NBD, kemajuan dalam penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN, perbincangan berterusan mengenai perjanjian penubuhannya, serta inisiatif-inisiatif adaptasi NBD seperti kawalan vektor, mengenai kesan pulau haba bandar (*urban heat island*), serta usaha dalam pertimbangan dan pemilihan teknologi.

Republik Singapura turut mengongsikan usaha GreenGov.SG, di mana sektor awam berusaha untuk mencapai sasaran kelestarian yang tinggi dalam pengurangan karbon dan kecekapan sumber, serta menjadi pengaruh positif dan pemangkin kepada usaha hijau.

Menteri-menteri mengesahkan semula komitmen untuk bekerjasama dengan Negara-negara Anggota ASEAN yang lain bagi memperkukuh kerjasama dalam perlindungan alam sekitar, termasuk melalui inisiatif seperti penganjuran Mesyuarat Ke-26 Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan dan Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-menteri (MSC) Sub-Serantau Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan oleh NBD pada bulan Julai 2025.

Menteri-menteri turut mengambil maklum mengenai kolaborasi berterusan dalam pengurusan tumpahan minyak.

Menteri-menteri juga mengesahkan komitmen untuk meningkatkan kerjasama dan memupuk persahabatan dan perkongsian yang lebih erat di antara NBD dan Republik Singapura.

Republik Singapura akan menjadi tuan rumah BSAEV ke-19.

# SMS BRUNEI PRIHATIN TABUNG ANAK-ANAK YATIM 1447/2026 DILANCARKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BERAKAS**, Khamis, 12 Februari. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad petang tadi melancarkan SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim 1447 / 2026 bertempat di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad. Kutipan derma melalui SMS yang dilancarkan pada hari ini akan berlangsung selama sembilan bulan bermula hari ini dan berakhir pada 12 November 2026.

Oleh yang demikian, orang ramai bolehlah menderma melalui perkhidmatan SMS yang disediakan dengan menaip YATIM (tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan iaitu, 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100.

Sebagai contoh YATIM20 (bagi derma berjumlah BND20) dan hantar kepada 38111 bagi pelanggan DST dan Progresif dan bagi pelanggan Imagine hantar kepada 39999.




**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan melancarkan SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim 1447 / 2026 bertempat di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.**

# SMS Brunei Prihatin kutip BND185,826




**DERMA hasil kutipan SMS Brunei Prihatin yang dikumpulkan pada tahun 1446 / 2025 daripada syarikat-syarikat telekomunikasi diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

**BERAKAS**, Khamis, 12 Februari. - Sebanyak BND185,826 berjaya dikumpulkan bagi kutipan SMS Brunei Prihatin bagi Tabung Anak-anak Yatim 1446 / 2025.

Sehubungan itu, derma hasil kutipan SMS Brunei Prihatin yang dikumpulkan pada tahun 1446 / 2025 daripada syarikat-syarikat telekomunikasi diserahkan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku tetamu kehormat berlangsung di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak BND135,353 adalah sumbangan daripada DST Sdn. Bhd. iaitu sebanyak BND125,353 adalah hasil kutipan daripada pelanggan DST dan sejumlah BND10,000 adalah sumbangan daripada Syarikat DST Sdn. Bhd. yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DST Sendirian Berhad, Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni.

Sementara itu, sumbangan daripada Progresif Sdn. Bhd. berjumlah BND40,473 iaitu BND39,473 adalah hasil kutipan daripada pelanggan Progresif dan BND1,000 adalah sumbangan daripada Syarikat Progresif Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Pentadbiran, Progresif Sendirian Berhad, Awang Abdul Hakim bin Haji Basir.

Manakala sumbangan daripada Imagine Sdn. Bhd. pula berjumlah BND10,000 hasil sumbangan daripada pihak Imagine dan pelanggan Imagine, yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Imagine Sdn. Bhd., Awang Ahmad Fathi bin Dato Paduka Haji Junaidi.

SMS Brunei Prihatin merupakan projek tahunan yang diungkayahkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Syarikat Telekomunikasi sejak tahun 2005 bagi membuka platform untuk memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan kepada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Pendaftaran Kebangsaan Anak-anak Yatim.

Sejak platform ini dibukakan, sambutan daripada orang ramai adalah sangat menggalakkan dan terdapat juga peningkatan dari segi jumlah kutipan pada tahun 1446 / 2025 berbanding 1445 / 2024 iaitu sebanyak 20.47 peratus. Semua jumlah kutipan yang diterima akan disumbangkan sepenuhnya kepada Tabung Anak-anak Yatim di bawah kendalian JAPEM.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian surat penganugerahan Program Biasiswa Anak Yatim Sesi 5, bagi Tahun 2026 / 2027 kepada dua anak yatim yang terpilih mengikuti Program BIBD Alaf iaitu Baby Nur Syahiezah Fazillah binti Mohammad Yussof / Norariffin, pelajar Tahun 7, Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab dan Nur Sabrina binti Omara, pelajar Tahun 9 daripada Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Peserta yang mengikuti pembelajaran melalui Program BIBD Alaf ini akan dibiayai melalui Tabung Anak-anak Yatim di bawah kendalian JAPEM. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2022 dan dihasratkan untuk meningkatkan impak serta objektif Tabung Anak-anak Yatim, di mana sumbangan derma dari orang ramai juga akan disalurkan bagi membiayai pembelajaran Program Biasiswa Anak Yatim melalui Program BIBD Alaf, sehingga tamat peperiksaan GCE 'O' Level.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh; Pemangku Pengarah RTB, Cheong Chee Keong, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Majlis, pegawai-pegawai kanan daripada KKBS, rakan-rakan strategik KKBS, ibu bapa dan penjaga penerima-penerima Biasiswa Anak Yatim dan wakil daripada sektor kerajaan dan swasta.




**MAJLIS diselajurkan dengan penyampaian surat penganugerahan Program Biasiswa Anak Yatim Sesi 5, bagi Tahun 2026 / 2027.**



# MEMASTIKAN KESTABILAN UNDANG-UNDANG DALAM HADAPI CABARAN KEMAJUAN TEKNOLOGI

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

**NADI, REPUBLIK FIJI**, Khamis 12 Februari. - Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang Komanwel (The Commonwealth Law Ministers Meeting - CLMM), 2026 telah diadakan pada 9 hingga 12 Februari 2026 di Nadi, Republik Fiji.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib bersama pegawai-pegawai kanan dari Pejabat Peguam Negara.

CLMM telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Republik Fiji, Yang Berhormat Sitiveni Ligamamada Rabuka.

Dalam ucapan perasmiannya, Yang Berhormat Sitiveni Ligamamada Rabuka antara lain menekankan komitmen bersama Menteri-menteri Undang-Undang Komanwel untuk memperkukuhkan kedaulatan undang-undang di seluruh negara-negara Komanwel serta kepentingan bersama pertimbangan dan langkah-langkah yang akan diperkenalkan bagi memastikan bahawa keadilan diyakini, institusi-institusi kukuh dan undang-undang yang bukan sahaja memberi manfaat kepada mereka yang memahaminya tetapi juga bagi mereka yang bergantung kepadanya.

Perkara ini amat penting dalam era yang mana isu perubahan iklim, keselamatan dan mobiliti manusia semakin saling berkait rapat.

CLMM telah dipengerusikan oleh Menteri Kehakiman dan Pemangku Peguam Negara Republik Fiji, Yang Berhormat Siromi Turaga dengan sokongan Setiausaha Agung Komanwel, Yang Berhormat Shirley Botchwey.

Tema mesyuarat pada tahun ini ialah 'Anchoring Justice in a Changing Tide : Strengthening the Rule of Law for a Resilient Future' telah menyediakan platform kepada negara-negara anggota Komanwel untuk membincangkan bagaimana sistem keadilan dapat terus berdaya tahan dan responsif dalam menghadapi cabaran global yang sentiasa berkembang.

Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Nor Hashimah dalam intervensinya menyatakan bahawa tema mesyuarat adalah bertepatan dalam menangani cabaran global yang sentiasa berkembang dan menekankan kepentingan sistem keadilan yang sentiasa boleh disesuaikan, inklusif dan responsif.

Berhubungan dengan keadilan dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligent – AI), Yang Berhormat Peguam Negara turut menekankan keperluan untuk seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat, di samping memastikan pemeliharaan proses sewajarnya dan kedaulatan undang-undang, disokong oleh inisiatif berterusan di peringkat kebangsaan termasuk pembangunan strategi AI, panduan tadbir urus dan etika, garis panduan kehakiman mengenai penggunaan AI generatif secara bertanggungjawab serta penggubalan Perintah Perlindungan Data Peribadi, 2025 yang baru dikuatkuasakan.

Perbincangan mesyuarat merangkumi pelbagai topik, termasuk ketahanan demokrasi dan kedaulatan undang-undang, model undang-undang berkaitan dengan perintah larangan penyiaran (*supression orders*), keadilan ketenteraan, *stable coins* dan perdagangan digital.

Topik seterusnya merangkumi respons perundangan terhadap maklumat palsu dan maklumat tidak benar; sumber perundangan Komanwel; keadilan dan kecerdasan buatan; sempadan maritim dan kenaikan paras laut, pembiayaan pihak ketiga dalam penyelesaian pertikaian; pemulihan aset; pemulihan melalui pendidikan undang-undang di penjara dan kontrak model serta perlindungan golongan yang terjejas (*vulnerable groups*).

Topik dan perbincangan tersebut mencerminkan kepentingan kemajuan, khususnya dalam bidang teknologi, serta keperluan memastikan kedaulatan undang-undang kekal teguh dan tidak terumbang-ambing dengan setiap cabaran, sebaliknya kekal pasti demi memelihara keyakinan awam.

Menteri - menteri Undang-undang turut menerima pakai Nadi Declaration on Democratic Resilience and Participation yang berfungsi sebagai rangka untuk memperkukuh ketahanan demokrasi melalui tadbir urus yang baik, mempromosi hak asasi manusia serta menghormati kedaulatan undang-undang.

Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang Komanwel diadakan secara dwitahunan dan menyediakan platform kepada Menteri-menteri Undang-undang dan Peguam Negara untuk berkongsi amalan terbaik serta memperkukuhkan kerjasama antara negara-negara yang berkongsi tradisi perundangan yang sama dalam pelbagai isu termasuk peranan teknologi dalam penyampaian keadilan; undang-undang dan kontrak model dan alat pembaharuan undang-undang serta pengukuhan perlindungan hak-hak asasi.



**MESYUARAT tersebut dihadiri oleh Yang Berhormat Peguam Negara bersama pegawai-pegawai kanan dari Pejabat Peguam Negara.**

# Projek memperkukuh semangat kerjasama, perpaduan

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG**, Jumaat, 13 Februari. - Majlis Doa Selamat dan Kerja Gotong-Royong bagi merobohkan sebahagian rumah telah diadakan pagi tadi di kediaman Awang Abd. Qawi bin Mohd. Tamin di Kampung Bukit Ukong, Mukim Ukong sebagai salah satu pelaksanaan Projek Khidmat Masyarakat anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Ukong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan, keselamatan dan kelancaran sepanjang pelaksanaan kerja-kerja gotong-royong yang dijalankan.

Projek berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan MPM Ukong dalam membantu meringankan beban pemilik kediaman yang memerlukan bantuan melalui pelaksanaan Projek Khidmat Masyarakat.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan semangat kerjasama, perpaduan serta nilai bergotong-royong dalam kalangan penduduk Mukim Ukong tanpa mengira latar belakang.

Program ini diadakan khusus untuk membantu penduduk yang memerlukan sokongan dalam membaik pulih kediaman mereka, sambil memberi peluang kepada komuniti setempat untuk bergotong-royong.

Sumbangan berupa tenaga dan keperluan program turut diberikan oleh Syarikat VSL Systems (B) Sdn. Bhd. serta Platun Rintis Serang dan Platun Civil Military Coordination (CIMIC), BN2 Tentera Darat Diraja Brunei, Tutong Kem yang hadir memberikan bantuan sepanjang aktiviti dijalankan.



**KERJA-kerja gotong-royong tersebut melibatkan Ahli-ahli MPM Ukong, penduduk kampung serta pihak-pihak berkaitan yang bersama-sama berganding bahu menjayakan projek berkenaan.**

Melalui penglibatan secara langsung dalam aktiviti kemasyarakatan seperti ini, ia secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim, memperkukuhkan jaringan kerjasama komuniti serta menyokong usaha kerajaan dalam memperkasa pembangunan sosial dan kesejahteraan masyarakat.

Kerja-kerja gotong-royong tersebut melibatkan Ahli-ahli MPM Ukong, penduduk kampung serta pihak-pihak berkaitan yang bersama-sama berganding bahu menjayakan projek berkenaan.

Usaha seumpama ini juga mencerminkan komitmen berterusan MPM Ukong dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan yang memberi manfaat secara langsung kepada penduduk setempat.

Sehubungan itu, majlis berkenaan diharapkan bukan sahaja dapat memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan penduduk Mukim Ukong, malah menjadi satu amal jariah dan usaha murni yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga segala kerja-kerja yang dijalankan dipermudahkan, diberkati dan memberi manfaat kepada semua pihak serta sentiasa mendapat rahmat dan lindungan-Nya.

Dalam pada itu,semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Yang Berhormat Ahli MMN, antara lain menjelaskan tujuan utama projek ini adalah untuk membaiki rumah golongan yang memerlukan, termasuk membaiki dinding, atap, tiang rumah dan sebagainya.

Pada masa ini katanya, projek masih berjalan dan dijangka siap tahun ini, insyaaAllah, tiga buah rumah yang disasarkan akan berjaya disiapkan.

"Saya ingin menyarankan kepada ahli-ahli Biro Kemasyarakatan yang telah menjayakan projek ini, di mana projek ini dapat dilaksanakan hasil sumbangan daripada pihak swasta, Ahli Jawatankuasa MPM dan penduduk kampung. Mereka ini telah meluangkan masa serta memberikan sumbangan dan komitmen yang tinggi bagi memastikan kejayaan projek tersebut," ujar Yang Berhormat.



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong.**



# KEMENTERIAN PERTAHANAN AGIH KURMA KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM



HADIR bagi menyempurnakan majlis yang berlangsung di Blok Menara, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garisson, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (atas dan kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BOLKIAH GARISSON**, Rabu, 11 Februari. - Kementerian Pertahanan hari ini mengadakan Majlis Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan ketibaan bulan suci Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Hadir bagi menyempurnakan majlis yang berlangsung di Blok Menara, Kementerian Pertahanan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Cinta-Nya Semanis Kurma' serta Selawat Tafrijiyyah.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Pemerintah Angkatan Bersama, pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatanarah-jabatanarah dan Unit-unit Tentera dan Awam di Kementerian Pertahanan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khusus sempena Majlis Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, diikuti Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Pengagihan kurma kurnia peribadi berkenaan melambangkan tanda kasih sayang dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap rakyat baginda serta dilaksanakan setiap tahun menjelang ketibaan bulan suci Ramadan.

# Memperluaskan akses pelancong antarabangsa



PENGARAH Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad semasa menyerahkan tiket kepada Pengarah Bruvacation Travel Agency Sdn. Bhd., Chang Ming Vui.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Februari. - Dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi menjadikan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) sebagai pusat sehenti destinasi pelancongan Islam, pelbagai inisiatif strategik terus giat dilaksanakan secara berperingkat dan berimpak tinggi.

Sebagai antara langkah signifikan ke arah merealisasikan hasrat berkenaan, BKISHHB baru-baru ini telah menjalin kolaborasi strategik bersama Bruvacation Travel Agency Sdn. Bhd., sebuah agensi pelancongan berpengalaman luas, bagi menarik lebih ramai pelancong antarabangsa untuk berkunjung dan menerokai galeri pameran berprestij tersebut.

Melalui kolaborasi ini, Bruvacation Travel Agency Sdn. Bhd. telah membuat pembelian secara pukal sebanyak 500 keping tiket bukan residen dengan diskaun khas, yang akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelancong luar negara yang memilih pakej lawatan kendalian agensi berkenaan.

Inisiatif ini bukan sahaja memperluaskan akses pelancong antarabangsa kepada khazanah warisan Islam Brunei, malah turut memperkukuh peranan BKISHHB sebagai tarikan pelancongan budaya dan keilmuan bertaraf antarabangsa. Dalam masa yang sama, BKISHHB turut menawarkan pelbagai produk dan pakej lawatan yang fleksibel serta mesra pengunjung.

Antaranya termasuk pembelian tiket secara pukal dengan potongan lima peratus bagi setiap pembelian 50 tiket dan potongan sepuluh peratus bagi pembelian 100 tiket. Selain itu, pakej khas bagi pelawat residen turut disediakan merangkumi Pakej Kumpulan Dewasa, Pakej Kumpulan Pelajar Dewasa, Pakej Kumpulan Pelajar Sekolah serta Pakej Kumpulan Pelajar Tadika.

Bagi pelawat yang menginginkan pengalaman lawatan yang lebih eksklusif, Pakej Galeri Plus turut diperkenalkan sebagai produk premium untuk pelawat residen dan bukan residen.

Pakej ini menawarkan pengalaman lawatan yang lebih mendalam dan bernilai tinggi ketika para pengunjung menerokai kesemua sembilan galeri pameran yang terdapat di BKISHHB.

Tiket kemasukan ke BKISHHB adalah tanpa tarikh luput dan sah digunakan bagi satu kali kemasukan ke kesemua sembilan galeri, sekali gus memberikan kemudahan serta nilai tambah kepada para pengunjung.

Menurut Pengarah Bruvacation Travel Agency Sdn. Bhd., Chang Ming Vui, BKISHHB merupakan sebuah institusi yang memiliki daya tarikan tersendiri, khususnya dari sudut seni bina yang unik dan bertaraf antarabangsa.

"Pelancong-pelancong yang kami bawa amat kagum dengan keindahan seni bina, kemudahan yang disediakan serta layanan mesra yang diterima. Ia memberikan pengalaman yang sangat eksklusif dan setanding dengan destinasi bertaraf dunia," katanya ketika ditemu bual.

Keunikan seni bina BKISHHB merupakan hasil reka bentuk Pei Architects, sebuah firma seni bina antarabangsa terkemuka yang berpangkalan di New York, Amerika Syarikat, sekali gus menambah nilai estetik serta identiti global institusi tersebut.

Ditubuhkan pada tahun 2008, Bruvacation Travel Agency Sdn. Bhd. juga pernah menganjurkan acara berprestij seperti Brunei Open Tourism Golf Tournament pada tahun 2010 dan 2011, selain secara konsisten menerima purata seramai 400 pelancong setiap bulan dari Hong Kong.

Perkembangan ini mencerminkan tahap kepercayaan yang tinggi serta minat berterusan pasaran antarabangsa terhadap Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang eksklusif dan beridentiti Islam.

Seiring dengan itu, BKISHHB kini giat merancang pelbagai aktiviti dan program kerjasama bersama agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa bagi mempromosikan institusi berkenaan sebagai destinasi lawatan baharu bertaraf global.

Usaha berterusan ini jelas mencerminkan komitmen BKISHHB dalam menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sekali gus mengangkat warisan tamadun Islam Brunei ke persada dunia sebagai sumber ilmu, inspirasi dan kebanggaan negara.



PENGARAH Bruvacation Travel Agency Sdn. Bhd. semasa menyaksikan lebih dekat aktiviti di BKISHHB.

# Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42

## Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Khamis, 12 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pendidikan Swasta dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026, hari ini.

Majlis ini diadakan serentak di keempat-empat daerah dan bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan serta semangat patriotisme dalam kalangan pelajar bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.

Sebanyak 2,000 bendera kecil meja diagihkan kepada para peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar yang terlibat akan dalam Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026.

Di Daerah Tutong tumpuan diadakan di Sekolah Chung Hwa Tutong. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja sebanyak 500 bendera kecil ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.



DI Daerah Tutong tumpuan diadakan di Sekolah Chung Hwa Tutong.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja kepada peserta.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai. Kemudian disusuli dengan bacaan ikrar dan laungan takbir beramai-ramai.

Majlis turut disemarakkan dengan Persembahan Koir 'Benderaku' daripada para pelajar Tahun 4 sekolah berkenaan. Sejurus itu, penyerahan bendera dan lawatan ke kelas-kelas.

## Daerah Belait

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Sekolah Rendah Muhammad Alam



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja kepada peserta.

**SERIA**, Khamis, 12 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dan Jabatan Pendidikan Swasta dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 secara serentak di lokasi tumpuan bagi keempat-empat buah daerah, hari ini.

Sehubungan itu, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Belait telah berlangsung di Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja sebanyak 300 bendera kecil ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Antara pengisian pada majlis berkenaan ialah persembahan khas berkonsepkan semangat kenegaraan. Seterusnya Yang Berhormat turut mengadakan lawatan ke kelas-kelas bagi sama-sama meninjau pelbagai aktiviti pembelajaran murid-murid sekolah berkenaan yang diserikan lagi dengan hiasan bendera-bendera kecil meja di atas penjuru meja mereka.

Dengan pelaksanaan majlis sedemikian, ia dihasrat untuk terus menyemai rasa kecintaan dan juga semangat patriotisme khususnya dalam kalangan pelajar bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.

## Daerah Temburong

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**TEMBURONG**, Khamis, 12 Februari. - Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 telah berlangsung secara serentak di keempat-empat daerah, hari ini.

Sehubungan itu, di Daerah Temburong, majlis berkenaan berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), Bangar, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Sebanyak 200 batang bendera kecil telah diagihkan pada acara tersebut. Terdahulu, acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai di Dewan SMSH.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan bacaan ikrar dan laungan takbir diikuti dengan persembahan lagu patriotik. Majlis diikuti dengan pengagihan sebanyak 200 bendera kepada pelajar-pelajar semasa majlis tersebut. Sebelum majlis berakhir, tetamu kehormat berpeluang untuk berkunjung ke kelas-kelas di sekolah tersebut.

Program ini diadakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dan Jabatan Pendidikan Swasta dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).



DI Daerah Temburong, majlis berkenaan berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), Bangar.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja kepada peserta.

# 30 KELUARGA MUALAF TERIMA SUMBANGAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah





**PENYERAHAN sumbangan bantuan berupa makanan asasi disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau (kanan), manakala gambar atas, Yang Berhormat bergambar ramai bersama para penerima.**

**TEMBURONG**, Rabu, 11 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baharu Negara Brunei Darussalam mengungkayahkan Projek Fathul Barakah 7.0 bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan 1447 Hijrah.

Projek Fathul Barakah 7.0 bertujuan memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama memberi infak jariah berupa makanan asasi kepada Asnaf Mualaf yang memerlukan.

Majlis Penyerahan Projek Fathul Barakah 7.0 bagi Mualaf Daerah Temburong diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Serbaguna, Program Khidmat Bakti Negara, Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

Pada majlis tersebut, seramai 30 buah keluarga mualaf Daerah Temburong telah menerima sumbangan bantuan berupa makanan asasi yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pemangku Imam, Awang Haji Mokhsin bin Mohd. Karim diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman yang antara lain merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang awam di atas sambutan yang menggalakkan dalam Projek Fathul Barakah kali ini.

Majlis diteruskan lagi dengan Penyerahan Surat Bantuan Makan dan Minum Program Bertadarus, Bersungkai dan Sembahyang Sunat Tarawih Bersama Mualaf 1447 Hijrah 2026 Masihi kepada 17 buah tempat yang terpilih terdiri daripada masjid-masjid, balai-balai ibadat, surau-surau dan rumah kegiatan ugama di Negara Brunei Darussalam, yang melibatkan para mualaf di dalam aktiviti-aktiviti kendalian PDI seperti Kelas Bimbingan Mualaf, majlis-majlis bersempena Hari-hari Kebesaran Islam serta acara-acara keugamaan.

Adapun tujuan projek ini diadakan adalah juga sebagai satu sarana da'wah dalam memeduli kesejahteraan asnaf mualaf bagi menjamin kehidupan yang lebih baik.

Ia juga bertujuan untuk meringankan beban para mualaf dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan yang akan tiba.

Lebih daripada 640 set infak berjaya dikumpul melalui Projek Fathul Barakah 7.0 yang telah dikendalikan di keempat-empat daerah secara pandu lalu iaitu di Bangunan Darul Huda, PDI, Kampung Pulaie pada 24 dan 25 Januari 2026; manakala Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait; Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong dan; Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Temburong pada 26 dan 27 Januari 2026 yang lalu.

Penyerahan infak akan diteruskan lagi oleh Bahagian Pembangunan Mualaf (Kebajikan Mualaf), PDI dan Cawangan Da'wah Daerah-daerah yang mana masing-masing akan mengunjungi ke beberapa buah rumah para mualaf yang terpilih.




# Bersama memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-42



**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Setiausaha-setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan tersebut hadir pada Sidang Media.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Februari. - Majlis Utama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42 pada tahun ini akan diraikan dengan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang akan diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Perkara tersebut dimaklumkan semasa Sidang Media mengenai persediaan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 yang telah diadakan di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pagi tadi.

Hadir mengongsikan maklumat mengenai acara-acara utama dan sampingan serta persiapan yang akan dilaksanakan ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad; dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim selaku Setiausaha-setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan tersebut.

Pada Sidang Media berkenaan, logo yang terpilih bagi Sambutan Ulang Tahun HK Ke-42 turut ditayangkan kepada pihak media.

Selaras dengan prinsip negara yang sentiasa mengharapkan taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta keberkatan-Nya, beberapa acara keagamaan akan diadakan bersempena sambutan pada tahun ini. Majlis Utama yang diadakan berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya memandangkan ia berlangsung dalam bulan Ramadan.

Majlis Kesyukuran tersebut, insyaaAllah akan diadakan pada Isnin, 5 Ramadan 1447 bersamaan 23 Februari 2026 bermula pukul 11.30 pagi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong sebagai tumpuan utama.

Majlis yang sama akan diadakan secara serentak di seluruh negara dengan tumpuan utama di Daerah Belait di Masjid Mohammad Jamalul Alam; di Daerah Tutong di Masjid Hassanal Bolkiah; dan di Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Antara acara sampingan yang akan diadakan ialah Majlis Pengagihan Bendera Kecil dan Program Semarak Pengibaran Bendera pada 12 Februari 2026; Upacara Menaikkan Bendera Besar pada 14 Februari 2026 di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Munajat Khas pada 24 Februari 2026 di Masjid Omar 'Ali Saifuddien; dan Forum Khas pada 25 Februari 2026 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Upacara Menurunkan Bendera Besar pula akan diadakan pada 25 Februari 2026 pada pukul 1.15 petang di lokasi yang sama.

Selain itu, Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah pada 9 Mac 2026.

Pada akhir Sidang Media, Jawatankuasa Tertinggi menyeru rakyat dan penduduk untuk sama-sama meraikan sambutan dengan mengibarkan bendera negara di rumah-rumah kediaman, bangunan pejabat dan perniagaan serta memasang lampu-lampu cucul bermula 14 Februari hingga 25 Februari 2026.

Sidang Media turut diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang mencipta logo, Awang Mohd. Aizuddin bin Mohd. Din serta penyerahan poster sambutan kepada ahli panel dan rakan media.

Huraian lanjut mengenai logo boleh didapati melalui laman sesawang KKBS di *www.kkbs.gov.bn*, manakala permohonan bagi mendapatkan logo beresolusi tinggi boleh dibuat melalui e-mel *urusetiahk@kkbs.gov.bn*.




**SIDANG Media turut diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang mencipta logo, Awang Mohd. Aizuddin bin Mohd. Din.**

# MEMPERKUKUH KERJASAMA EKONOMI SERANTAU, PERSEKITARAN PERDAGANGAN TERBUKA

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Februari. - Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APEC Pertama (SOM1) telah diadakan di Guangzhou, Republik Rakyat China pada 10 Februari 2026 dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin.

Mesyuarat tersebut didahului oleh Mesyuarat Kaukus ASEAN APEC dan Retreat Pegawai-pegawai Kanan APEC pada 9 Februari 2026.

Dianjurkan oleh Republik Rakyat China di bawah tema APEC 2026, 'Membina Komuniti Asia-Pasifik untuk Kemakmuran Bersama', SOM1 menandakan permulaan siri mesyuarat APEC sepanjang tahun yang membawa kepada Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Ekonomi APEC pada November 2026.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Luar Negeri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Yi.

Dalam ucapan pembukaannya, Tuan Yang Terutama Wang Yi menekankan peranan rantau Asia-Pasifik sebagai pemacu utama pertumbuhan global dan menegaskan semula komitmen APEC terhadap keterbukaan, integrasi ekonomi serantau dan pembangunan berteraskan rakyat dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu.

Tuan Yang Terutama turut menggariskan keutamaan




**MESYUARAT Pegawai-pegawai Kanan APEC Pertama (SOM1) dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

Republik Rakyat China bagi APEC 2026, termasuk memperkukuh kerjasama perdagangan dan pelaburan, meningkatkan kesalinghubungan serta daya tahan rantaian bekalan, memajukan agenda Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP) serta mempercepat pertumbuhan digital, hijau dan berasaskan inovasi bagi memastikan manfaat pembangunan dikongsi secara meluas di seluruh rantau ini.

Semasa mesyuarat tersebut, Dr. Hajah May Fa'ezah menekankan perkara-perkara berikut iaitu komitmen berterusan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam memperkukuh kerjasama ekonomi serantau serta persekitaran perdagangan yang terbuka dan boleh diramal yang menyokong pertumbuhan jangka panjang.

Beliau menegaskan kepentingan sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan, dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai terasnya, dan mengalu-alukan peranan APEC dalam menyokong usaha ini melalui dialog, kerjasama dan pembinaan kapasiti.

Sokongan NBD terhadap usaha berterusan mengenai FTAAP sebagai aspirasi jangka panjang bagi rantau ini, dengan menyatakan bahawa keutamaan APEC 2026 oleh Republik Rakyat China adalah selaras dengan hala tuju tersebut.

Brunei mengalu-alukan hasil yang dicadangkan bagi tahun ini, termasuk inisiatif berkaitan FTAAP dan pendigitalan perdagangan dan nilai kerjasama ekonomi dan teknikal APEC dalam memperkukuh keupayaan tempatan, institusi dan perniagaan di NBD, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

NBD mengalu-alukan kerjasama berterusan dalam bidang seperti keselamatan makanan, pembangunan sumber manusia, tenaga dan daya tahan demografi, yang menyumbang secara langsung kepada keutamaan pembangunan negara serta pertumbuhan ekonomi serantau yang mampan dan berdaya tahan secara keseluruhan.

Turut diadakan sebelum SOM1 ialah mesyuarat jawatankuasa sektor dan kumpulan kerja yang terlibat dalam pelbagai bidang kerjasama seperti kesihatan, anti-rasuah, piawaian, kastam, pembaharuan struktur dan mobiliti perniagaan.

# Mempromosi hidangan tradisional, cara hidup masyarakat setempat

**TUTONG**, Khamis, 12 Februari. - Pesta Satay Mukim Telisai anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Telisai dengan kerjasama Majlis-majlis Perundingan Kampung di bawah Mukim Telisai telah diadakan di Gerai Mukim Telisai, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Turut hadir, Ahli-ahli MPM, ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung serta penduduk kampung di bawah Mukim Telisai.

Kehadiran mereka mencerminkan sokongan padu masyarakat terhadap program-program kemasyarakatan yang dianjurkan di peringkat mukim.

Majlis pada petang tadi dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Penghulu Mukim Telisai, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin, sebelum majlis dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tarian daripada Kumpulan Pewaris Seni SRPKBB2.

Penganjuran Pesta Satay Mukim Telisai bertujuan untuk mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat muafakat dalam kalangan penduduk Mukim Telisai melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Selain itu, acara berkenaan turut menjadi platform bagi menyokong dan memperkasa usahawan kecil serta peniaga tempatan dengan penyertaan sebanyak tujuh buah reruai yang menawarkan pelbagai jenis satay dan juadah tempatan kepada orang ramai, sekali gus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi di peringkat mukim.

Pesta berkenaan juga memberi peluang kepada penduduk untuk mengambil bahagian secara aktif dalam program kemasyarakatan serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kerjasama dan penglibatan komuniti.

Selain aspek sosial dan ekonomi, penganjuran berkenaan turut menekankan penghayatan budaya tempatan dengan mempromosi hidangan tradisional dan cara hidup masyarakat setempat.

Melalui penganjuran berkenaan, suasana kemasyarakatan dapat dimeriahkan dan aktiviti sosioekonomi setempat dapat dirancakkan, sekali gus memupuk rasa kebersamaan serta membentuk persekitaran mukim yang aktif dan dinamik.

Penganjuran Pesta Satay Mukim Telisai diharap dapat diteruskan lagi pada masa akan datang sebagai usaha berterusan untuk memperkukuh perpaduan masyarakat, memupuk semangat kebersamaan serta menyokong pembangunan sosioekonomi yang mampan di peringkat mukim.

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**




**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong merasmikan Pesta Satay Mukim Telisai.**




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'.** Tarikh Tutup : **18 Februari 2026**
2. **'Peranan Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi'.** Tarikh Tutup : **25 Februari 2026**
3. **'Memperkasa Budaya Membaca'.** Tarikh Tutup : **4 Mac 2026**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
**BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# MEGA FIESTA KUPU SB 2026 : MENEROKA PELUANG BAHARU DALAM DUNIA PERNIAGAAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**






**PEMANGKU Ra'es, KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha hadir pada Mega Fiesta KUPU SB 2026 dan seterusnya bergambar ramai (kiri dan atas).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Februari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Mega Fiesta KUPU SB 2026 selama dua hari bermula hari ini, hingga 12 Februari 2026.

Majlis pelancaran telah berlangsung pagi tadi di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan.

Hadir melancarkan Mega Fiesta berkenaan, Pemangku Ra'es, KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha.

Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Objektif utama Mega Fiesta KUPU SB 2026 berkenaan diadakan adalah sebagai platform serta memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi serta Alumni KUPU SB mahupun pengusaha-pengusaha yang terlibat untuk mempamerkan produk-produk mereka di samping meneroka peluang baharu dalam dunia perniagaan.

Seiring dengan aspirasi negara dalam melahirkan individu yang berdikari serta berdaya saing di peringkat global, acara berkenaan juga secara tidak langsung menggalakkan pemikiran kreatif, inovatif dan kemahiran keusahawanan sebagai persediaan menghadapi cabaran ekonomi semasa.

Pelbagai aktiviti menarik menanti sepanjang Mega Fiesta selama dua hari ini, antaranya, bazar dan reruai keusahawanan yang melibatkan lebih 40 pengusaha, terdiri daripada para pelajar, alumni, warga KUPU SB mahupun pengusaha luar, yang meliputi jualan makanan minuman, barangan, pakaian, perkhidmatan dan aktiviti permainan.

Selain itu, aktiviti-aktiviti lain yang mengambil tempat seperti sesi kongsi sama, taklimat serta Meja Kerjaya, Pameran Kemahiran Pelajar dan juga Pameran Pasukan-pasukan Beruniform KUPU SB yang terdiri daripada Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kadet Polis Diraja Brunei, Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pengakap Kelana, Pasukan Pandu Puteri dan Pasukan Bulan Sabit Merah.

Turut diadakan ialah STUDI@KUPU SB yang akan memberi peluang kepada para pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian di KUPU SB, mendapatkan info dan keterangan kursus-kursus atau program-program pengajian. KUPU SB menawarkan program pengajian daripada peringkat pra-siswazah hingga ke peringkat pasca siswazah.

Orang ramai dialu-alukan berkunjung dan memeriahkan lagi Mega Fiesta selama dua hari berkenaan, bermula seawal jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Kampus KUPU SB.

# Meningkatkan kesedaran kepentingan kesejahteraan guru

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**





**ANTARA yang hadir mendengarkan Ceramah Motivasi bertajuk 'Dari Tugas ke Amanah : Memaknai Profesion Guru' yang disampaikan oleh Kaunselor Pelawat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor (atas dan atas kanan).**

**BERAKAS,** Rabu, 11 Februari. - Dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penjagaan kesejahteraan diri dalam kalangan tenaga pengajar, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Ugama (JKPSSU) Kawasan Brunei IIA, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengadakan Ceramah Motivasi bertajuk 'Dari Tugas ke Amanah : Memaknai Profesion Guru'. Ceramah diadakan di Sekolah Ugama Lambak, Jalan Bedil.

Ceramah berkenaan telah dihadiri oleh 193 tenaga pengajar dari sekolah-sekolah ugama Kawasan Brunei IIA.

Hadir selaku penceramah undangan, Kaunselor Pelawat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Turut hadir, Pegawai Pengajian Islam Daerah Kawasan Brunei IIA, Bahagian Sekolah Ugama, JPI, KHEU, Dayang Suriati binti Haji Awang Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah serta Doa Selamat.

Ceramah berkenaan diadakan bertujuan untuk memberikan suntikan motivasi kepada guru-guru ugama agar lebih bersemangat dan berdedikasi dalam melaksanakan tugas, di samping meningkatkan kesedaran terhadap peranan guru sebagai pembimbing rohani, pembentuk akhlak dan sahsiah murid, serta mengubah persepsi daripada sekadar melaksanakan tugas kepada menunaikan amanah dalam profesion keguruan.

# JASTRe adakan Sesi Pembarigaan Program Perkhidmatan Kutipan Sampah

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**RIMBA**, Jumaat, 13 Februari. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan petang tadi mengadakan Sesi Pembarigaan mengenai Program Perkhidmatan Kutipan Sampah Rumah ke Rumah bersama penduduk Perumahan Negara Kampung Rimba yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Rimba II, di sini.

Turut hadir semasa sesi pembarigaan tersebut ialah wakil-wakil Ketua Kampung, Majlis Perundingan Kampung serta syarikat-syarikat perkhidmatan kutipan sampah. Sesi pembarigaan tersebut dirasmikan oleh Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit diikuti dengan penerangan mengenai program tersebut serta sesi soal jawab bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk mengemukakan pandangan dan maklum balas.

Program ini memperkenalkan kaedah yang lebih menyeluruh dan berstruktur dalam perkhidmatan kutipan sampah di kawasan Perumahan Negara Kampung Rimba melalui pakej langganan yang komprehensif, yang mana menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap serta memupuk amalan kitar semula dalam kalangan penduduk.

Perkhidmatan kutipan sampah di bawah program ini akan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat kutipan sampah yang berlesen serta dipilih dan didaftarkan di bawah jabatan. Melalui pelaksanaan program ini, pihak JASTRe menyeru kepada penduduk untuk memainkan peranan secara aktif dalam menyokong sistem pengurusan sisa yang lebih teratur. Kerjasama dan sokongan padu daripada komuniti adalah penting bagi memastikan kelestarian jangka panjang inisiatif ini serta memperkukuhkan tanggungjawab bersama dalam memelihara kebersihan alam sekitar negara. Orang ramai bolehlah menghubungi JASTRe untuk mendapatkan maklumat lanjut menerusi talian +673 2241262, e-mel *jastre.brunei@env.gov.bn*, melayari laman sesawang *www.env.gov.bn* atau mengikuti Instagram rasmi *@jastre.bn*.



**SESI Pembarigaan mengenai Program Perkhidmatan Kutipan Sampah Rumah ke Rumah bersama penduduk Perumahan Negara Kampung Rimba telah dirasmikan oleh Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.**

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# Marhaban Ya Ramadan




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi umat Islam akan menyambut kedatangan bulan suci Ramadan Al-Mubarak. Bulan yang penuh berkat ini amat dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam. Ramadan membaca limpahan nikmat, rahmat dan kemuliaan. Ia merupakan bulan yang sangat istimewa kerana setiap amal ibadat yang dilakukan akan diberi ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Setiap amalan anak-anak Adam itu dilipatgandakan, satu kebajikan dilipatgandakan dengan 10 hingga 700 kali ganda. Allah berfirman : "Kecuali puasa, sesungguhnya puasa itu untuk Aku dan Akulah yang akan memberi ganjaran pahalanya. Orang yang berpuasa itu telah meninggalkan nafsu syahwat, makan dan minum kerana Aku. Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan, kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika ia menjumpai Tuhannya. Dan bau mulut orang yang berpuasa di hadapan Allah lebih harum daripada wangian kasturi*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Puasa menurut syarak ialah menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula daripada terbit fajar hingga terbenam matahari disertai dengan niat. Namun puasa yang dikehendaki Allah Subhanahu Wata'ala bukan hanya sah pada hukum fiqih sahaja tetapi juga terpelihara nilainya pada akhlak. Sebab itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan sebagaimana hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Puasa itu adalah perisai. Maka janganlah dia (orang yang berpuasa itu) mengeluarkan kata-kata keji dan janganlah dia berbuat perlakuan orang-orang jahil. Dan sekiranya seseorang mengajaknya bertawakal atau memaki hamun dan mencelanya, maka hendaklah dia mengatakan : Sesungguhnya aku sedang berpuasa*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Hadis ini mendidik kita bahawa puasa ialah perisai. Perisai daripada maksiat, perisai daripada api neraka dan perisai yang membentuk sabar serta menundukkan nafsu. Maka adalah perkara yang sangat merugikan bagi orang yang berpuasa itu ialah apabila dia menjaga lapar dan dahaga tetapi lidahnya tidak dijaga, matanya tidak dipelihara, telinganya bebas mendengar yang melalaikan dan tangannya melakukan yang tidak wajar.

Jelaslah, puasa mengajar kita mengawal diri : Menjaga lidah daripada dosa, umpatan, fitnah dan kata-kata kasar, menjaga pandangan daripada perkara haram, menjaga telinga daripada perkara keji dan melalaikan dan menjaga pergaulan dan emosi daripada pertengkaran. Dan apabila diuji dengan gangguan orang lain, ingatlah pesan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: "*Sesungguhnya aku sedang berpuasa*". Maka itulah tanda kita memilih pahala, bukan memilih kemenangan hawa nafsu.

Apabila memperkatakan tentang waktu berbuka puasa pula, ia merupakan saat amat dinanti-nantikan dan menggembirakan bagi orang yang berpuasa setelah seharian menahan diri daripada makan, minum serta menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Antara trend yang semakin digemari masa kini ialah bersungkai atau berbuka puasa di luar, sama ada di kedai makan, restoran atau kawasan terbuka seperti di tempat-tempat rekreasi dan sebagainya. Namun demikian, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian ketika bersungkai di luar, antaranya ialah :

**Pertama :** Menunaikan sembahyang fardu pada waktunya. Berhati-hatilah ketika menikmati juadah sewaktu bersungkai, jangan kerana terlalu asyik makan sehingga terlepas waktu Sembahyang Fardu Maghrib.

**Kedua :** Melaksanakan Sembahyang Sunat Tarawih. Sembahyang ini sangat istimewa kerana hanya dapat dilakukan pada malam-malam di bulan Ramadan sahaja. Oleh itu, tanamkanlah azam di sepanjang bulan Ramadan ini untuk melaksanakannya, di samping membaca Al-Quran, beriktikaf dan memperbanyakkan amal ibadah yang lain.

**Ketiga :** Menjauhi perkara-perkara yang makruh seperti makan secara berlebihan sehingga terlalu kenyang dan mengelakkan pembaziran dalam penyediaan makanan.

**Keempat :** Kita hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian iaitu sopan dan menutup aurat.

Marilah kita sama-sama menadah tangan, merendahkan hati dan memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar kita dipanjangkan usia, dikurniakan kesihatan dan kekuatan untuk bertemu dengan bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Semoga kita diberi taufik dan hidayah untuk melaksanakan ibadah puasa dengan penuh keikhlasan mengikut adab tertib dan sunnah yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga dengan hadirnya Ramadan, hari kita kembali lembut, jiwa kita kembali tenang dan hidup kita kembali menuju reda Ilahi. Mudah-mudahan kita benar-benar dapat menghayati roh serta makna sebenar ibadah puasa, bukan hanya sekadar menahan lapar dan dahaga, akan tetapi menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang dimurkai Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

**Tafsirnya :** "*Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa*". (Surah Al-Baqarah, ayat 183)

# Memperkasa keselamatan komuniti melalui bengkel kesedaran awam



SERAMAI 21 peserta diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Serbaguna Masjid An-Na'im.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im RPN Kampung Panchor, Mengkubau**

**PANCHOR MENGKUBAU**, Khamis, 12 Februari. - Bengkel Pertolongan Cemas di Tempat Kerja (Occupational First Aid Course) yang disertai oleh seramai 21 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai masjid, ahli jawatankuasa takmir dan petugas-petugas masjid telah diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Serbaguna Masjid An-Na'im, hari ini.

Para peserta telah mengikuti bengkel berkenaan selama tiga hari berturut-turut bermula 9 Februari lalu yang dianjurkan secara kolaborasi antara Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im dengan Syarikat Berjaya Aman Sdn. Bhd.

Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Pegawai Pemantau Zon 4 Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Mohammad Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Terdahulu, Penyelia Hal Ehwal Keselamatan AJK Takmir masjid tersebut, PW2 (B) Awang Yahya bin Awang Haji Sulaiman dalam ucapan wakil peserta menyatakan, sepanjang kursus itu mereka didedahkan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran asas pertolongan cemas yang amat berguna, bukan sahaja dalam situasi kecemasan di tempat kerja, malah dalam kehidupan seharian.

"Kami belajar bagaimana untuk bertindak dengan pantas dan tepat dalam menghadapi situasi seperti kecederaan, luka, patah tulang, melecur, pengsan, serta teknik CPR yang sangat penting dalam usaha menyelamatkan nyawa.

"Apa yang lebih bermakna, kursus ini bukan sekadar memberi pengetahuan secara teori, tetapi juga latihan praktikal yang membuka mata kami tentang betapa pentingnya keyakinan, ketenangan dan kerjasama berpasukan ketika berhadapan dengan kecemasan," katanya.

Bagi pihak semua peserta, tambahnya, beliau merakamkan jutaan terima kasih kepada para jurulatih atas tunjuk ajar, kesabaran dan komitmen yang diberikan sepanjang kursus berkenaan dan ilmu yang dikongsikan sangat jelas, mudah difahami dan penuh dengan pengalaman sebenar yang memberi nilai tambah kepada mereka semua.

Awang Yahya selanjutnya berharap agar ilmu dan kemahiran yang diperoleh ini dapat kami manfaatkan sebaik mungkin dan mereka semua mampu menjadi individu yang lebih bersedia, bertanggungjawab dan prihatin dalam membantu mereka yang memerlukan.

Adapun bengkel juga memberikan pendedahan kepada para peserta tentang bagaimana cara yang tepat dan betul serta mengikut prosedur keselamatan yang tinggi ketika menangani kejadian kecemasan di tempat awam.

Selain itu, bengkel juga diadakan bagi meningkatkan keselamatan awam dan komuniti serta menjadikan tempat awam yang lebih selamat terutamanya pada waktu keramaian seperti Sembahyang Fardu Jumaat, Sembahyang Sunat Hari Raya dan Tarawih serta acara-acara keagamaan lainnya.

Bagi menyokong objektif Negara Brunei Darussalam dalam keselamatan awam, kesedaran kesihatan dan daya tahan masyarakat, khidmat masyarakat yang diadakan ini adalah untuk Syarikat Berjaya Aman Sdn. Bhd. menanda aras piawaian dan untuk menekankan dan mengukuhkan kerjasama antara masjid-masjid dan jabatan-jabatan kerajaan.

Sebagai penyedia latihan yang diluluskan oleh SHENA dan BRC, Syarikat Berjaya Aman Sdn. Bhd. penuh komited untuk menyampaikan latihan pertolongan cemas pekerjaan yang diperakui dan menyokong organisasi dan institusi komuniti di seluruh negara dalam membina persekitaran yang lebih selamat dan lebih bersedia.

Turut hadir, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua-ketua Kampung Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau serta Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli yang juga selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im.


SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP
جابتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
MARHABAN YA
RAMADAN
KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 25 SYA'BAN 1447H / 13 FEBRUARI 2026M
TERDAPAT BEBERAPA PERKARA PENTING YANG PERLU DIBERI PERHATIAN KETIKA BERSUNGKAI DI LUAR, ANTARANYA IALAH:
1
MENUNAIKAN SEMBAHYANG FARDHU PADA WAKTUNYA
Berhati-hatilah ketika menikmati juadah sewaktu bersungkai, jangan kerana terlalu asyik makan sehingga terlepas waktu sembahyang Fardu Maghrib.
2
MELAKSANAKAN SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH
Sembahyang ini sangat istimewa kerana hanya dapat dilakukan pada malam-malam di bulan Ramadan sahaja.
3
MENJAUHI PERKARA-PERKARA YANG MAKRUH
• Makan secara berlebihan sehingga terlalu kenyang.
• Mengelakkan pembaziran dalam penyediaan makanan.
4
MEMAKAI PAKAIAN YANG BERSESUAIAN
Kita hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian iaitu sopan dan menutup aurat.
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

# PUPUK KERJASAMA SERANTAU MEMAJUKAN INISIATIF PELANCONGAN PERUBATAN






PENYERTAAN dan penglibatan JPMC di Republik Indonesia menandakan komitmen berterusan institusi tersebut dalam membina hubungan serantau yang konstruktif berasaskan pertukaran profesional dan kepakaran bersama (atas dan kiri).

**Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre**

**BALIKPAPAN**, Jumaat, 13 Februari. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) terus memperkukuh usaha penglibatannya di pasaran luar negara melalui penyertaan dalam Health In Motion 2026: Healthcare, Wellness & Travel Fair yang berlangsung di Pentacity Mall, Balikpapan, Republik Indonesia bermula 5 hingga 8 Februari lalu.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen strategik JPMC dalam memupuk kerjasama serantau bagi memajukan inisiatif pelancongan perubatannya, di samping memperkukuh kapasiti penjagaan kesihatan Negara Brunei Darussalam di rantau Asia Tenggara.

Seiring dengan perkembangan sistem penjagaan kesihatan di seluruh rantau ini, kerjasama institusi yang lebih erat memainkan peranan penting dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta memperbaiki hasil rawatan pesakit. Ekspo tersebut menyediakan platform komprehensif yang menghimpunkan institusi penjagaan kesihatan, profesional perubatan dan pihak berkepentingan dalam ekosistem pelancongan perubatan, sekali gus memudah cara dialog pertemuan antara sektor kesihatan dan pelancongan.

Acara ini turut membuka peluang untuk memperkenalkan perkhidmatan kepakaran JPMC, termasuk neurologi, onkologi, ortopedik, program rehabilitasi serta diagnostik lanjutan, dalam konteks penjagaan bersepadu serantau. Penglibatan ini mencerminkan pendekatan berpandangan jauh yang berteraskan kerjasama, kemajuan bersama dan peningkatan hasil rawatan pesakit.

Bersempena dengan ekspo tersebut, JPMC turut mengadakan kunjungan ke Hospital Dr. Kanujoso Djatiwibowo, Siloam Hospital Balikpapan dan Rumah Sakit Pertamina Balikpapan. Lawatan ini memfokuskan kepada perbincangan mengenai kerjasama klinikal, pertukaran amalan terbaik serta pengenalpastian kelebihan yang menyumbang kepada perkongsian mampan dan berjangka panjang.

Dalam sesi bersama media di Balikpapan, Pengarah Pusat Neurosains, Strok dan Rehabilitasi Brunei JPMC, Dr. Pengiran Siti Nur'Ashikin binti Pengiran Haji Tengah menekankan kepentingan sinergi serantau dalam mempertingkat keupayaan penjagaan kesihatan. Beliau menyatakan bahawa kemajuan berterusan di Asia Tenggara diperkukuh melalui perkongsian ilmu, pembangunan profesional merentas sempadan serta pendekatan yang diselaraskan dalam penjagaan kepakaran. Kerjasama sedemikian tambahnya, menyokong standard rawatan yang lebih tinggi di samping memperkukuh kapasiti institusi dalam setiap sistem penjagaan kesihatan masing-masing.

Penyertaan dan penglibatan JPMC di Republik Indonesia menandakan komitmen berterusan institusi tersebut dalam membina hubungan serantau yang konstruktif berasaskan pertukaran profesional dan kepakaran bersama.

Melalui penglibatan penting ini, JPMC menegaskan hasrat strategiknya untuk menyumbang kepada ekosistem penjagaan kesihatan serantau yang lebih erat dan berdaya tahan, berteraskan perkongsian serta kerjasama.






# Semai semangat perpaduan ASEAN

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



JERAYAWARA Kenali ASEAN diadakan di Ma'had Islam Brunei (atas, atas kanan dan bawah kanan).

**TUTONG**, Rabu, 11 Februari. - Jabatan Penerangan melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Ma'had Islam Brunei.

Taklimat diadakan di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan, Timbalan Pengetua Akademik, sekolah berkenaan, Dayang Hajah Noramalina binti Haji Md. Ali, dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada 327 pelajar Tahun 5 hingga Tahun 10.

Taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Akademik sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga merupakan usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan para pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.





# RANGKA STRATEGI PERANCANGAN GUNA TANAH UNTUK PEMBANGUNAN DAERAH





**SESI berkenaan telah dihadiri oleh warga belia Daerah Temburong yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, sektor swasta, para pengusaha serta wakil Majlis Perundingan Kampung (atas dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa**

**BANGAR**, Rabu, 11 Februari. - Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) mengadakan satu sesi seranta awam bersama warga belia Daerah Temburong baru-baru ini yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar.

Sesi berkenaan telah dihadiri oleh warga belia Daerah Temburong yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, sektor swasta, para pengusaha serta wakil Majlis Perundingan Kampung. Turut hadir dalam sesi tersebut ialah Pemangku Penolong Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa.

Penganjuran sesi ini mencerminkan komitmen jabatan dalam melibatkan golongan belia sebagai rakan strategik dalam perancangan guna tanah dan kemajuan negara.

Dalam sesi tersebut, perbincangan berkumpulan telah diadakan bersama para peserta. Melalui perbincangan ini, aktiviti sumbang saran (*brainstorming*) dan pertukaran pandangan telah dijalankan berkaitan kemajuan guna tanah dan pembangunan Daerah Temburong merangkumi aspek ekonomi, sosial, persekitaran serta infrastruktur.

Sesi ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada warga belia daripada pelbagai latar belakang bagi menyumbangkan idea, pandangan, kepakaran serta penglibatan awal dalam proses penyediaan Pelan Daerah Temburong yang baharu.

Selain itu, sesi ini turut memberi peluang kepada JPBD untuk mengenal pasti isu-isu semasa, cabaran setempat serta potensi pembangunan yang dilihat signifikan oleh warga belia Daerah Temburong. Penglibatan aktif warga belia dalam sesi ini juga menunjukkan tahap kesedaran dan keprihatinan yang tinggi terhadap perancangan guna tanah dan kemajuan daerah.

JPBD amat menghargai komitmen serta sumbangan idea yang dikemukakan, dan akan terus memperkukuh pendekatan penglibatan pemegang teras sebagai asas dalam merangka pelan perancangan yang holistik, realistik dan berimpak positif kepada kesejahteraan masyarakat setempat.

Idea, maklumat dan pandangan yang dikemukakan melalui perbincangan seranta awam ini akan dijadikan sebagai panduan dalam merangka strategi perancangan guna tanah dan pembangunan Daerah Temburong pada masa akan datang. Maklum balas yang diterima mencerminkan aspirasi golongan belia terhadap pembangunan yang seimbang, mampan serta berteraskan kekuatan dan identiti tempatan, selaras dengan hala tuju pembangunan negara.

Selain itu, sesi seranta awam ini juga merupakan salah satu pendekatan JPBD untuk berhubung secara langsung dengan pemegang teras, khususnya penduduk setempat, dalam usaha menyediakan serta membarigakan pelan-pelan perancangan guna tanah dan pembangunan yang sedia ada.

Dengan penganjuran sesi seranta awam ini, JPBD berharap agar pelan perancangan guna tanah dan pembangunan yang akan dirangka adalah lebih inklusif, mengambil kira keperluan dan aspirasi penduduk setempat, serta berdaya tahan untuk jangka panjang. Sesi ini juga merupakan kesinambungan kepada program seranta awam bersama warga belia yang telah dilaksanakan sebelum ini di Daerah Tutong dan Daerah Belait.

# Komited mendukung objektif pertahanan, keselamatan negara









**SALAH satu pembentangan yang disampaikan pada persidangan tersebut (atas), sementara gambar kiri dan kanan, para peserta mengambil bahagian dalam demonstrasi langsung yang mempamerkan keupayaan NiAT dalam senario dunia sebenar.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Network Integrity Assurance Technologies Sdn. Bhd.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Februari. - Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sdn. Bhd., penyedia utama komunikasi satelit dan penyelesaian geospatial Brunei, mengadakan Persidangan Teknologi Pertahanan dan Keselamatan NiAT 2026 baru-baru ini berlangsung di VIP Hall, The Rizqun International Hotel.

Persidangan ini menghimpunkan lebih daripada 60 wakil daripada agensi pertahanan dan keselamatan negara yang berkaitan, menyediakan platform khusus untuk meneliti sistem komunikasi selamat dan teknologi geospatial yang diuruskan secara tempatan bagi meningkatkan kesediaan operasi dan usaha daya tahan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran NiAT, Ashley Jeffre, menekankan kepentingan daya tahan teknologi yang semakin meningkat di tengah-tengah landskap keselamatan yang berkembang.

"Dalam persekitaran keselamatan yang semakin kompleks dan berubah-ubah, memperkukuh pertahanan negara kita kekal menjadi keutamaan kritikal. Ini termasuk mempertingkatkan keselamatan sempadan untuk menjaga integriti rantau dan sumber ekonomi, serta meningkatkan keupayaan pengawasan, pemantauan, dan tindak balas merentasi pelbagai sektor operasi," ujarnya.

Program persidangan menampilkan beberapa siri pembentangan yang disampaikan oleh pakar dalaman NiAT termasuk Ketua Jualan, Dayang Nur Syazillah binti Sahardi dengan tajuk 'Strengthening Ops with Resilient MESH Connectivity'; Juruteknik GIS, Dayang Nur Azimatul Aniqah binti Haji Azaman dengan tajuk 'Connected Skies for Secured Borders'; dan Jurutera GIS, Awang Muhd. Bazil Hijazi bin Haji Muhd. Bazil Nabil Fikri dengan tajuk 'Assured Command & Control Beyond Line of Sight'.

Selepas pembentangan, para peserta mengambil bahagian dalam demonstrasi langsung yang mempamerkan keupayaan NiAT dalam senario dunia sebenar.

Demonstrasi tersebut menampilkan sistem komunikasi berasaskan satelit yang selamat, proses perisikan geospatial masa nyata, pengawasan menggunakan dron, dan papan pemuka arahan dan kawalan bersepadu. Setiap sesi mencerminkan komitmen NiAT untuk menyediakan penyelesaian yang relevan secara operasi, mampan, dan sokongan tempatan selaras dengan keutamaan pertahanan dan keselamatan sempadan NBD.

Memandangkan Brunei terus mengukuhkan postur keselamatan negaranya, NiAT kekal komited untuk memajukan teknologi yang meningkatkan kesediaan dan daya tahan operasi. Melalui inovasi berterusan dan kerjasama erat, NiAT berharap dapat menyokong objektif pertahanan dan keselamatan negara yang sentiasa berkembang.

# MEMPROMOSI SEMANGAT PERPADUAN KOMUNITI PEMINAT MOTOSIKAL SERANTAU

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



AHLI Motohead MG semasa bergambar ramai.



PRESIDEN Motohead MG, Awang Haji Shamrah bin Nassir.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Februari. - Seramai sembilan orang *bikers* dari Negara Brunei Darussalam (NBD) menyertai Pattaya Bike Week 2026 yang dijadualkan berlangsung dari 12 hingga 14 Februari 2026 di Pattaya, Thailand.

Rombongan berkenaan berada di negara berkenaan dari 11 hingga 17 Februari 2026, dengan acara kemuncak akan diadakan pada 14 Februari 2026.

Rombongan berkenaan terdiri daripada lapan Ahli Motohead MG dan seorang wakil dari Brotherhood.

Penyertaan mereka bertujuan untuk mengeratkan silaturahim serta memperkukuh hubungan persaudaraan dalam kalangan komuniti *bikers* di seluruh ASEAN.

Menurut wakil rombongan, Presiden Motohead MG, Awang Haji Shamrah bin Nassir, menyatakan penyertaan kali ini merupakan pengalaman pertama mereka menghadiri Pattaya Bike Week di Thailand.

Sebelum ini jelasnya, mereka pernah menyertai beberapa acara serupa di rantau ini, antaranya Sibu Bike Week, Kuching Bike Week, Borneo Bike Week dan Sandakan Bike Week.

Acara berprestij berkenaan menghimpunkan peminat motosikal daripada pelbagai negara dan menjadi platform untuk bertukar pengalaman, memperluas jaringan persahabatan serta mempromosi semangat perpaduan dalam komuniti *bikers* serantau.

# Bengkel bantu memantapkan mutu bacaan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BERAKAS,** Rabu, 11 Februari. - Bersempena Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang dijangka diadakan pada penghujung April 2026, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam telah mengungkayakhan Bengkel Tarannum Al-Quran bagi Tahun 1447H / 2026M.

Seramai 12 peserta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M serta beberapa peserta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M yang memperoleh markah 85 peratus ke atas bagi kategori qari dan 80 peratus ke atas bagi kategori qariah telah menyertai bengkel berkenaan.

Bengkel berkenaan berperanan sebagai platform kepada para qari dan qariah negara untuk menjalani latihan secara bersemuka bersama pembengkel yang berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang bacaan Al-Quran.

Melalui bengkel berkenaan, para peserta berpeluang meneliti serta mempertingkatkan mutu bacaan mereka secara lebih terperinci, di samping memperluas ilmu pengetahuan dalam bidang taranum dan ilmu Al-Quran.

Bengkel Tarannum Al-Quran kali ini diadakan selama lima hari berturut-turut bermula pada Selasa, 22 hingga 26 Syaaban 1447H bersamaan 10 hingga 14 Februari 2026M, bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk memperkasa mutu bacaan para qari dan qariah melalui pengenalan kaedah-kaedah bacaan serta lagu-lagu Al-Quran yang lebih segar dan berbeza daripada yang lazim diajarkan dan dibawakan di Nusantara.

Para peserta juga berpeluang mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam bacaan bertaranum, seterusnya mempraktikkan serta mendalami teknik-teknik bacaan bagi tujuan pertandingan sebagai persiapan menyertai Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M.

Usaha berkenaan juga bertujuan bagi memastikan para qari dan qariah bersedia memberikan bacaan yang terbaik serta mempersembahkan mutu bacaan yang berkualiti tinggi.

Bengkel berkenaan dibimbing oleh pembengkel jemputan dari Malaysia, iaitu Che' Yahaya bin Daud. Beliau pernah menjadi hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan di negara ini pada 2015, dan juga sering dilantik sebagai hakim Majlis Tilawah Al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

Dengan penganjuran bengkel berkenaan, pencapaian para peserta dilihat amat membanggakan negara, dan setiap tahun menunjukkan peningkatan jumlah peserta baharu yang menyertai Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir dan seterusnya ke peringkat akhir kebangsaan.

Bengkel berkenaan turut membantu para qari dan qariah negara untuk memantapkan lagi mutu bacaan, khususnya dalam aspek tajwid, fashahah, lagu dan suara. Adalah diharapkan agar usaha seumpama berkenaan akan terus menjadi benteng kekuatan iman dan akidah Islam dalam memperkasa, memperteguh dan menyatukan generasi bangsa supaya benar-benar memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian.





SEKITAR Bengkel Tarannum Al-Quran bagi Tahun 1447H / 2026M (atas), manakala gambar atas kanan, bengkel berkenaan dibimbing oleh pembengkel jemputan dari Malaysia, iaitu Che' Yahaya bin Daud.




**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / PEN / 002 [JPPK/LTK/18/2025]
Proposed Design, Supply And Installation Of New Cargo Lift And Lift Shaft For CQB (Close Quarter Battle) Complex, Special Force Regiment Camp, Penanjong Garrison

**Kelas:**
IV dan Ke Atas

**Kategori:**
E01 atau E02 atau KA01 atau KPME02 atau B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Empat (04) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada
Selasa,
24 Februari 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
12.00 Tengah Hari,
3 Mac 2026
(Selasa)

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / LB / TA / 01
Perkhidmatan Pembuatan Facade Bagi Acara Yang Akan Dianjurkan Oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Tahun 2026

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah ialah
Selasa,
3 Mac 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Mac 2026
12.00 Tengah Hari

**PEJABAT PEGUAM NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
PPN / ASSET / BUU / CONTRACT / 2026 / 2 / 1
Term Contract (12) Months For Landscaping Work At The Law Building And The Law And Courts Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
3 Mac 2026

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Call For Expression Of Interest**

**Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Ternakan Udang Menggunakan Teknologi Di Tapak Ternakan Udang Lot 16636, Pangkalan Sibabau Zon 1, Kampung Mentiri, Negara Brunei Darussalam**

**Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memaklumkan adanya kekosongan satu lot (1) bagi menjalankan perusahaan ternakan udang menggunakan teknologi di Tapak Ternakan Udang Lot 16636, Pangkalan Sibabau Zon 1, Kampung Mentiri, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup EOI:**
Khamis,
12 Mac 2026
Jam 12.00
Tengah Hari

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 31 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 32 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 300.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 33 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 34 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 35 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 36 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 37 / 2026 / PHARM (TC)

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
22 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Esok paginya, bapa tidak ke tempat kerja. Aku fikir demamnya semakin teruk. Tetapi petang itu, bapa pulang dengan wajah yang lain. Tenang tetapi matanya merah.

Dia memanggil aku duduk.

Tanpa berkata apa-apa, bapa mengeluarkan beg kain kecil dari poket kiri. Dia tuangkan isinya ke atas meja. Wang yang sama. Syiling yang sama.

"Apa ni, pa?" tanyaku pada bapa.

"*Ani* duit untuk membayar semua buku yang cigu mu suruh bayar *atu*," kata bapa perlahan.

Aku diam.

"Tapi pa, cigu sudah bagi kelonggaran untuk bayar ansur-ansur," kataku.

Bapa bergeleng perlahan.

"Ani untuk masa depanmu. Pakai duit ani untuk bayar buku yang kan dibayar. Yang panting, kau balajar rajin-rajin."

Dan untuk pertama kali, aku menangis buat pertama kali di hadapan bapa. Aku sebak kerana ada bapa yang tidak pernah berputus asa untuk mendapatkan yang terbaik untuk anaknya ini.

15 tahun berlalu...

Hari ini, aku berdiri di hadapan cermin di pejabatku sendiri. Sebelum keluar, tanpa sedar, tanganku menyentuh poket kiri kemeja. Di dalamnya, ada sekeping syiling lama, syiling terakhir dari bapa yang aku simpan hingga kini.

Bapa sudah tiada kerana sakit jantung. Babu masih menjual nasi lemak walaupun tidak lagi sekuat dulu. Alhamdulillah, sempat juga arwah bapa merasakan hasil kerja kerasku dan aku sempat membalas jasanya walaupun tak sebanyak jasa yang dia taburkan kepadaku.

Setiap kali aku terasa ingin membazir, aku teringat seorang lelaki yang menyimpan mimpinya sendiri demi mimpi anaknya di dalam poket kiri yang kecil tetapi penuh makna.

Dan aku tahu, ada pengorbanan yang tidak pernah meminta balasan, selain meminta kejayaan orang yang dicintainya.

Pelita Brunei



# Menyelami keindahan seni taranum Al-Quran

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

**APABILA** hati tulus berdamping dengan ayat-ayat suci Al-Quran, keindahannya dapat dirasai dalam diri. Kalam Allah yang dibaca sama ada secara murattal mahu pun taranum, pastinya mampu menenangkan jiwa serta minda, lebih-lebih lagi dengan memahami makna-maknanya. Ibarat hati yang keras menjadi lembut, begitulah kelebihan dan kebesaran Kalam Allah apabila kita mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari. Membaca Al-Quran merupakan satu ibadah yang mulia.

Sebaik-baik amalan ialah mereka yang belajar dan mengajarkan Al-Quran, malah Allah Subhanahu Wata'ala akan mengangkat martabat golongan yang membaca Al-Quran dengan dijanjikan pahala yang besar iaitu setiap satu huruf Al-Quran yang dibaca akan mendapat 10 ganjaran pahala. Semangat juang dalam memartabatkan dan mengagungkan Al-Quran inilah yang semestinya dimiliki oleh seluruh rakyat dan penduduk di sesebuah negara Islam.

Oleh yang demikian, adalah menjadi hasrat Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan lebih ramai lagi generasi Qurani yang berilmu, berakhlak mulia, dan bersemangat tinggi dalam mendaulatkan Al-Quran sehingga menjadikannya sebagai asas pegangan dalam mentadbir dan memimpin kehidupan di dunia dan akhirat.

### Keindahan Kelas Asas Tarannum

Kemerduan alunan bacaan Al-Quran yang dihiasi dengan keindahan seni taranum memang sungguh mengasyikkan dan menenangkan bagi yang menghayatinya. Semangat kesungguhan dan kesabaran serta keberanian insan-insan pencinta seni taranum Al-Quran dalam sama-sama memanfaatkan masa terluang mempelajari atau menyelami keindahan lantunan ayat-ayat suci bagaikan cahaya penyeri setiap detik apabila diadakan Kelas Asas Tarannum di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT).

Begitulah suasana yang dapat digambarkan dan dirasai oleh penulis sendiri ketika berkesempatan menyertai Kelas Asas Tarannum di MHBPT, baru-baru ini. Lebih 20 orang pelajar telah menyertai kelas berkenaan yang bukan hanya terdiri daripada golongan belia malah kebanyakannya mereka yang sudah mencecah di usia emas.

Kelas Asas Tarannum yang diadakan seminggu sekali iaitu setiap Isnin selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah merupakan salah satu inisiatif berterusan MHBPT dalam memperkukuh kemahiran seni bacaan Al-Quran melalui taranum dan tajwid, sejajar dengan seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar masyarakat di negara ini sentiasa mengamalkan dan menghayati pengajaran dan pembelajaran Al-Quran.

### Menyelami asas seni taranum

Sehubungan itu, apabila menyentuh mengenai seni taranum ini, Awang Muhammad Nur Asymawi bin Awang Asli selaku Tenaga Pengajar Kelas Asas Tarannum di MHBPT semasa ditemu bual antaranya menjelaskan pada asasnya seni taranum adalah seni membaca Al-Quran dengan menggunakan irama yang khusus dan memiliki keindahan tersendiri sehingga mampu membuat bacaan Al-Quran itu lebih merdu didengar.

"Menerusi seni taranum ini merangkumi tujuh jenis lagu taranum iaitu Bayyati, Soba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah dan Jiharkah dengan menggunakan empat *tabaqat* suara. *Tabaqat* suara itu bermaksud tingkatan atau aras nada suara yang digunakan dalam seni taranum Al-Quran, merangkumi suara rendah (*qarar*), suara sederhana (*nawa*), suara tinggi (*jawab*) dan tingkatan nada suara yang tertinggi (*jawabul jawab*).

"Begitu juga adanya kepelbagaian harakat atau merujuk kepada pecahan lagu atau rentak suara yang disusun dalam sesuatu irama lagu-lagu taranum. Ia adalah komponen penting untuk menghidupkan dan memperindahkan seni bacaan Al-Quran. Selain itu, ia bertujuan untuk membantu dan membolehkan para pembaca mempelbagaikan irama atau mengubah tingkatan nada suara agar tidak mendatar dan meningkatkan lagi penghayatan bacaan tanpa melanggar hukum tajwid," jelas beliau lanjut yang pernah mendapat tempat ketiga di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan pada 1445 Hijrah / 2024 Masihi dan juga 1446H / 2025M Peringkat Akhir.

Awang Muhammad Nur Asymawi yang merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Seri Begawan dengan Minor Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan juga Sijil Diploma Pengajian Seni Al-Quran di KUPU SB ini turut menambah dengan adanya kelas asas taranum berkenaan ia sememangnya menjadi salah satu platform untuk membentuk para pelajar tidak kira peringkat usia daripada asas sehingga mahir mempraktikkan lagu-lagu taranum dengan baik, sekali gus memberi mereka peluang mengikuti sesi praktikal dan penilaian masing-masing.

"Dengan seni asas taranum ini juga, ia berfungsi sebagai pendekatan berkesan dalam memahami dan mendalami tafsiran ayat-ayat suci Al-Quran mengikut irama dan nada suara serta teknik pernafasan yang tepat agar bacaan menjadi lebih dihayati, di samping meningkatkan kemahiran tajwid secara berterusan," ujarnya yang juga selaku salah seorang tenaga pengajar Al-Quran bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei.

### Ilmu ditimba, ukhuwah terjalin

Dalam pada itu, Awang Muhammad Nur Asymawi yang juga merupakan pengasas dan tenaga pengajar sebuah syarikat di bawah nama *Zayyinulfurqon.bn* iaitu perusahaan yang menyediakan khidmat pembelajaran Al-Quran untuk semua peringkat umur seperti asas taranum, asas tajwid, bimbingan Al-Quran dan Iqra yang pada masa ini hanya tertumpu di Daerah Tutong dan Daerah Belait ini turut tidak ketinggalan mengungkapkan rasa kesyukuran dengan menyaksikan kesungguhan para pelajar dari pelbagai peringkat usia bersama-sama menyertai kelas asas taranum di MHBPT tersebut.

Beliau yang mula menubuhkan syarikat berkenaan pada tahun 2023 dan mula beroperasi pada tahun 2024 itu turut menambah dengan adanya kelas asas taranum sedemikian, ia dapat memperkasakan fungsi masjid sebagai pusat ilmu melalui pembelajaran lagu-lagu taranum sehingga secara tidak langsung mampu membina hubungan persaudaraan dan silaturahim yang kukuh.

"Pastinya saya juga berharap agar semangat seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan terus mekar dalam mendalami ilmu Al-Quran dalam kehidupan seharian termasuklah seni ilmu taranum ini.

"Oleh itu, saya ingin menyarankan kepada mereka yang sedang menceburi dalam bidang pembacaan seni taranum Al-Quran ini agar sentiasa istiqamah dalam menimba ilmu Al-Quran secara berterusan dengan berguru kepada yang pakar agar segala kelemahan dapat diperbaiki demi untuk meningkatkan kualiti mutu bacaan yang baik dan berpotensi tinggi meliputi bidang tajwid, lagu, suara dan juga *fasohah* atau kelancaran dan kefasihan dalam sebutan bacaan. Marilah kita sama-sama menjadi generasi celik Al-Quran agar agama, bangsa dan negara kita sentiasa dipayungi dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala," ucapnya pada akhir temu bual.



# Operasi Kakas temukan pelbagai kesalahan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Februari. - Dalam menguatkuasakan akta dan peraturan, Bahagian Penguatkuasa Undang-undang telah pun melaksanakan dua Operasi Kakas di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) yang menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Kakas 11/2026 telah menyasarkan premis perniagaan di Mukim Berakas 'B'. Dalam operasi berkenaan, seorang warganegara asing telah pun diperiksa yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresen mansuh dan Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Sementara itu, Operasi Kakas 13/2026 pula menyasarkan rumah-rumah sewa di Mukim Liang. Seramai 39 warganegara asing telah diperiksa dan tiga orang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Seorang daripada warganegara asing berkenaan gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen asal semasa pemeriksaan dan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Manakala itu, dua orang daripadanya gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen asal.

JIPK juga melaksanakan Operasi Kakas Bersepadu 12/2026 bersama Jabatan Buruh yang menyasarkan kepada premis-premis perniagaan di kawasan Mukim Kianggeh. Hasil daripada operasi berkenaan, JIPK telah memeriksa 17 pekerja asing.

Dua surat panggilan kepada dua majikan telah dikeluarkan bagi tujuan siasatan lanjut dan pengesahan dokumen asal berkenaan dengan tiga pekerja yang dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu menyalahi jawatan yang telah ditetapkan.

Sementara itu, hasil pemeriksaan Jabatan Buruh semasa Operasi Kakas Bersepadu 12/2026 mendapati beberapa kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh 10 syarikat yang antara lain melibatkan kesalahan di bawah Bab 10, iaitu majikan gagal menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis; Bab 39(2), iaitu gagal membayar kerja lebih masa; Bab 44, iaitu membuat pemotongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan dalam undang-undang; Bab 63 iaitu gagal memberikan cuti rehat; Bab 64 iaitu bekerja pada hari rehat; Bab 65, iaitu bekerja melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan; Bab 70, iaitu gagal memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 71, iaitu gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja; Bab 82, iaitu majikan tidak menyediakan alat pertolongan cemas; Bab 112(1), iaitu menggaji pekerja asing tanpa lesen dan Bab 112(2), iaitu melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing.



**BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-undang melaksanakan dua Operasi Kakas di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) yang menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.**

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).

# OPERASI PEMERIKSAAN BERSEPADU PASTIKAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG, PERATURAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Tutong



**OPERASI Pemeriksaan Bersepadu dijalankan di kawasan Pekan Tutong melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan (atas dan bawah).**

**TUTONG**, Rabu, 11 Februari. - Satu Operasi Pemeriksaan Bersepadu telah dijalankan di kawasan Pekan Tutong melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan dari Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Buruh, Pejabat Kesihatan Tutong serta Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK).



Operasi pemeriksaan berkenaan menyasarkan beberapa premis perniagaan Establismen Kecantikan dan Kesihatan (EKK) yang berada di bawah kawalan Jabatan Bandaran Tutong.

Pemeriksaan dijalankan secara bersepadu bagi memastikan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa daripada aspek pentadbiran, kebersihan, keselamatan serta kebajikan pekerja.

Hasil daripada pemeriksaan berkenaan, beberapa teguran telah dikeluarkan oleh agensi-agensi penguatkuasaan, antaranya berkaitan tahap kebersihan alat dan perkakas establismen kecantikan, kebersihan ruang premis, dan aspek keselamatan pekerja serta pengunjung.

Selain itu, satu kesalahan turut dikesan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, Penggal 30, iaitu melonggokkan sampah di bahagian belakang premis perniagaan. Tindakan sewajarnya telah diambil selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Operasi bersepadu seperti berkenaan akan diteruskan dari semasa ke semasa sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan berterusan bagi memastikan premis-premis perniagaan sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan demi menjaga kepentingan awam, keselamatan serta kesejahteraan masyarakat.

# Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**WARGANEGARA India iaitu Jabir Pattath berusia 27 tahun.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja dipercayai lari daripada majikan.

Laporan telah dibuat di Balai Polis Panaga, untuk mengesan seorang lelaki warganegara India iaitu Jabir Pattath berusia 27 tahun dengan nombor Kad Pengenalan 51-517328 (H).

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai lelaki berkenaan boleh menghubungi Balai Polis Panaga menerusi talian +673 222955 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

# Bantu kesan pesalah buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja buruh yang dilaporkan lari daripada majikan.

Laporan telah dibuat di Balai Polis Labi untuk mengesan lelaki warganegara Republik Indonesia, iaitu Agus Suhendri, berusia 29 tahun dengan memegang nombor pasport E7316405.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai lelaki berkenaan boleh menghubungi Balai Polis Labi menerusi talian, +673 3233233 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



**WARGANEGARA Republik Indonesia, iaitu Agus Suhendri, berusia 29 tahun.**

BERITA GLOBAL

# BMW PANGGIL BALIK RATUSAN RIBU KERETA DI SELURUH DUNIA AKIBAT RISIKO KEBAKARAN

**MUNICH**, 12 Feb. - BMW memanggil balik ratusan ribu kenderaan di seluruh dunia susulan kerosakan teknikal yang boleh menyebabkan kereta terbakar, menurut pengeluar kereta mewah itu pada Rabu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). Sebanyak 28,582 kenderaan terjejas di Jerman, menurut BMW.

Syarikat itu tidak memberikan angka tepat bagi jumlah kenderaan yang terjejas di seluruh dunia, namun media industri Jerman, kfz-Betrieb, melaporkan kira-kira 575,000 unit mungkin terlibat.

Pemeriksaan produk mendapati terdapat kerosakan pada suis solenoid yang mengawal aliran elektrik dalam litar. Model yang terjejas termasuk BMW Siri 2 Coupe, beberapa varian Siri 3, Siri 4 dan Siri 5, Siri 6 Gran Turismo, sedan Siri 7 serta model X4, X5, X6 dan Z4, menurut pengeluar itu.

Selepas kerap dihidupkan, kehausan berlebihan boleh berlaku pada suis berkenaan, yang boleh menyukarkan atau bahkan menghalang enjin daripada dihidupkan. Litar pintas juga boleh berlaku, yang boleh menyebabkan pemula menjadi terlalu panas secara setempat dan dalam kes paling buruk, mengakibatkan kenderaan terbakar ketika beroperasi, menurut BMW.

Dalam keadaan itu, pemandu mungkin menyedari asap ketika memandu atau selepas meninggalkan kenderaan dan BMW menasihatkan agar enjin tidak dibiarkan hidup tanpa pengawasan.

Kenderaan yang dilengkapi geganti pemula yang dihasilkan antara Julai 2020 hingga Julai 2022 berpotensi terjejas, selain kereta yang dipasang dengan pemula yang rosak semasa kerja pembaikan, menurut syarikat itu.

BMW sebelum ini turut memanggil balik ratusan ribu kenderaan pada September lepas susulan risiko kebakaran akibat pemula yang rosak. Disebabkan keadaan itu, air didapati meresap masuk ke dalam motor pemula pada bahagian tertentu kenderaan terjejas sehingga menyebabkan kakisan. - ©BERNAMA

# Pusat mengundi dibuka di Bangladesh, pertama sejak kebangkitan 2024

**DHAKA**, 12 Feb. - Pengundi di Bangladesh menunaikan tanggungjawab mereka pada Khamis untuk memilih kerajaan baharu buat pertama kali sejak kebangkitan rakyat yang menamatkan pemerintahan 15 tahun parti Liga Awami pada 2024, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Lebih 127.6 juta rakyat layak mengundi dan turut memberikan keputusan mereka berhubung pembaharuan perlembagaan. Proses pengundian bermula pada 7.30 pagi (0130 GMT) dan berlangsung selama sembilan jam sebelum ditutup pada 4.30 petang (1030 GMT).

Keputusan dijangka diperoleh secara berperingkat menjelang lewat Khamis waktu tempatan apabila rakyat memilih 300 ahli Parlimen melalui 42,000 pusat mengundi di seluruh negara. Sebanyak 51 parti politik dan 2,034 calon bertanding untuk merebut kerusi Parlimen, termasuk 275 calon Bebas.

Sebagai tambahan kepada 300 kerusi umum yang dipilih secara langsung oleh rakyat, Parlimen turut merangkumi 50 kerusi diperuntukkan khas untuk wanita, menjadikan jumlah keseluruhan 350 anggota. Kawalan keselamatan ketat dilaksanakan dengan kamera litar tertutup (CCTV) dipasang di lebih 90 peratus kawasan pilihan raya.

Kira-kira 958,000 anggota daripada pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang, termasuk 100,000 angkatan tentera, dikerahkan bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di seluruh Bangladesh. Pengundian di satu kawasan pilihan raya ditangguhkan berikutan kematian seorang calon.

Gabungan pimpinan Parti Nasionalis Bangladesh (BNP) dan pakatan yang dipimpin oleh Bangladesh Jamaat-e-Islami merupakan dua pencabar utama selepas parti Liga Awami pimpinan bekas Perdana Menteri Sheikh Hasina yang digulingkan dilarang daripada menyertai pilihan raya.

Daripada jumlah keseluruhan pengundi, 45.9 juta terdiri daripada golongan muda dan pengundi kali pertama, kebanyakannya memainkan peranan penting dalam gerakan rakyat 2024 yang dikenali sebagai "kebangkitan Julai". Kerajaan sementara yang diketuai pemenang Hadiah Nobel Muhammad Yunus mentadbir negara itu sejak Ogos 2024.

Pada November lalu, Hasina dijatuhi hukuman mati tanpa kehadiran atas jenayah terhadap kemanusiaan yang dilakukan semasa kebangkitan itu. Sehingga 1,400 orang terkorban dalam demonstrasi yang menggulingkan kerajaan beliau, menurut data Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). - ©BERNAMA

# Apple, Google setuju laksana perubahan jadikan App Stores dan platform lebih adil

**LONDON**, 11 Feb. - Apple dan Google bersetuju untuk menjadikan platform dan App Stores mereka lebih adil melalui satu pakej perubahan yang bertujuan menangani dominasi mereka dalam pasaran mudah alih, lapor PA Media/dpa.

Pihak Berkuasa Persaingan dan Pasaran UK (CMA) sebelum ini memberi amaran yang gergasi teknologi itu mungkin dipaksa melakukan perubahan pada platform mereka dan memberikan status "pasaran strategik" kepada kedua-dua syarikat, satu penetapan khas bagi perniagaan terbesar dan paling berkuasa.

Status itu berfungsi sebagai garis panduan terhadap cara syarikat tertentu boleh beroperasi.

Kedua-dua syarikat bersetuju dengan beberapa komitmen, termasuk memastikan aplikasi yang diedarkan di kedai aplikasi mereka disemak secara adil, objektif dan telus tanpa mendiskriminasi aplikasi yang bersaing dengan aplikasi milik mereka sendiri.

Apple berkata fungsi semakan aplikasinya akan dilaksanakan oleh pasukan khusus yang beroperasi secara berasingan daripada pasukan aplikasi dan perkhidmatan milik syarikat itu.

Jurucakap Google berkata: "CMA hari ini mengumumkan hasratnya untuk menerima komitmen kami bagi menangani kebimbangan utama hasil penilaian terhadap platform mudah alih kami.

"Walaupun kami percaya amalan pembangun Google Play sedia ada adalah adil, objektif dan telus, kami mengalu-alukan peluang untuk menyelesaikan kebimbangan CMA secara kerjasama.

"Komitmen sukarela yang dicadangkan akan terus menyediakan ketelusan berkaitan dasar dan amalan semakan aplikasi, kedudukan dan penggunaan data bagi memastikan pembangun memahami pelbagai pilihan yang tersedia kepada mereka di Google Play.

"Kami akan terus berinteraksi secara konstruktif dengan CMA bagi pihak pembangun, pengeluar peranti dan pengguna Android di seluruh dunia".

Jurucakap Apple pula berkata: "Apple berdepan persaingan sengit dalam setiap pasaran yang kami ceburi dan kami bekerja tanpa henti untuk menghasilkan produk, perkhidmatan dan pengalaman pengguna terbaik.

"Komitmen yang diumumkan hari ini membolehkan Apple terus memajukan inovasi penting dalam aspek privasi dan keselamatan untuk pengguna, serta menyediakan peluang besar kepada pembangun.

"Kami menghargai dialog yang positif dan berterusan dengan pihak berkuasa UK". - ©BERNAMA

# Pengembara Republik Singapura ke Malaysia rugi S$24,000 akibat penipuan pancing data

**REPUBLIK SINGAPURA**, 11 Feb. - Republik Singapura melaporkan sekurang-kurangnya 10 kes penipuan melibatkan penduduk negara itu yang melakukan perjalanan ke Malaysia, dengan mangsa mengalami kerugian kira-kira S$24,000 selepas menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) yang kononnya dihantar oleh Penguasa Pengangkutan Darat (LTA), menurut media tempatan.

Mangsa menerima teks pesanan yang memaparkan nama pengirim 'LTA', meminta mereka menjelaskan bayaran tol yang tertunggak, bersama satu pautan yang mengarahkan mereka ke laman sesawang memancing data (phishing) untuk mendapatkan butiran perbankan bagi tujuan pembayaran, lapor Straits Times.

Menurut polis, ID LTA telah dinyahaktifkan pada Julai 2024 dan tidak lagi digunakan, dan sebarang teks pesanan daripada ID berkenaan adalah palsu.

Sementara itu, LTA dalam satu hantaran Facebook pada Selasa memberi amaran kepada orang ramai bahawa penipu menyamar sebagai agensi berkenaan untuk memperdaya mangsa supaya membayar tol yang tidak dijelaskan atau denda melalui pautan palsu.

"Mesej ini direka untuk mencuri butiran perbankan/kad kredit/kad debit serta wang anda.

"SMS rasmi LTA tidak mengandungi pautan pembayaran dan hanya dihantar melalui ID pengirim rasmi "gov.sg." ID pengirim LTA tidak lagi digunakan," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

# Sudan : Sekurang-kurangnya 15 maut feri terbalik di Sungai Nil

**ISTANBUL**, 12 Feb. - Sekurang-kurangnya 15 maut apabila sebuah feri penumpang yang membawa lebih 27 orang karam di Sungai Nil, utara Sudan pada Rabu, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik kumpulan perubatan.

Lebih 27 orang, termasuk wanita, kanak-kanak dan warga emas, menaiki feri yang berulang-alik antara kawasan Taiba Al-Khawad dan Deim Al-Qarray di lokaliti Shendi, menurut Sudan Doctors Network dalam satu kenyataan.

Sudan Doctors Network memaklumkan bahawa 15 mayat telah ditemukan setakat ini dan enam orang berjaya diselamatkan, manakala penduduk tempatan serta pasukan pertahanan awam masih meneruskan operasi mencari mangsa yang masih hilang.

"Sudan Doctors Network mendesak pihak berkuasa berkaitan mengambil tindakan segera dengan menghantar pasukan penyelamat khusus serta peralatan mencari dan menyelamat," menurut kenyataan itu, sambil menggesa langkah segera diambil bagi memastikan keselamatan pengangkutan sungai dan mencegah berulangnya bencana seperti itu yang meragut nyawa orang yang tidak bersalah. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 6 maut, 5 cedera dalam kejadian tanah runtuh di tenggara Brazil

**RIO DE JANEIRO**, 11 Feb. - Sekurang-kurangnya enam individu maut manakala lima yang lain cedera dalam kejadian tanah runtuh akibat hujan lebat di tenggara Brazil, lapor Xinhua memetik pihak berkuasa tempatan.

Tragedi itu dilaporkan berlaku di negeri Minas Gerais dan Rio de Janeiro.

Menurut pihak berkuasa, kanak-kanak merupakan antara mangsa yang terlibat dalam kejadian itu.

Status amaran terus dikekalkan di kedua-dua negeri berkenaan berikutan pihak berkuasa memberi amaran mengenai kemungkinan berlakunya tanah runtuh susulan hujan berterusan dan keadaan tanah yang menjadi lembut akibat hujan. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# PENURUNAN HARGA RUMAH DI REPUBLIK RAKYAT CHINA SEMAKIN REDA PADA JANUARI

**BEIJING,** 13 Feb. - Pasaran perumahan Republik Rakyat China menunjukkan tanda-tanda pemulihan pada Januari apabila penurunan harga rumah di 70 bandar besar dan sederhana secara amnya semakin kecil berbanding bulan sebelumnya, menurut data rasmi pada Jumaat.

Di empat bandar utama - Beijing, Shanghai, Guangzhou dan Shenzhen - harga rumah baharu turun sedikit sebanyak 0.3 peratus secara bulanan pada Januari, manakala harga rumah terpakai menurun 0.5 peratus, menurut Biro Statistik Nasional (NBS).

Sementara itu, di 31 bandar tahap kedua, purata penurunan harga bulanan ialah 0.3 peratus untuk rumah baharu dan 0.5 peratus untuk rumah terpakai, manakala di 35 bandar tahap ketiga, harga rumah baharu jatuh 0.4 peratus dan rumah terpakai turun 0.6 peratus.

Namun, berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, tekanan penurunan masih berterusan kerana penurunan harga semakin meluas di semua peringkat bandar, menurut data NBS.

Republik Rakyat China telah mengekalkan sokongan dasar untuk sektor hartanah dan berusaha membina model pembangunan baharu di tengah-tengah dinamik penawaran dan permintaan yang berubah. Pihak berkuasa baru-baru ini berulang kali menekankan keperluan untuk mempromosikan pembangunan berkualiti lebih tinggi dalam sektor hartanah.

Republik Rakyat China akan mengekalkan pendekatan dasar khusus mengikut bandar, dengan menumpukan kepada pengawalan penawaran baharu, pengurangan inventori, dan peningkatan kualiti perumahan, kata Ni Hong, Menteri Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar.

Usaha juga akan dilakukan untuk menyokong keperluan pembiayaan munasabah pemaju dan untuk memenuhi keperluan asas perumahan penduduk serta permintaan untuk perumahan yang lebih baik, tambahnya. - ©XINHUA



**FOTO fail ini menunjukkan bangunan kediaman di Bandar Huzhou, Wilayah Zhejiang timur China.**

## Pembangkang utama bakal pilih pemimpin baharu selepas kekalahan besar pilihan raya Jepun

**TOKYO**, 13 Feb. - Pasukan pembangkang utama Jepun, Centrist Reform Alliance (CRA), akan memilih pemimpin baharunya pada Jumaat, memulakan rombakan parti yang baru ditubuhkan itu selepas mengalami kekalahan besar dalam pilihan raya Dewan Perwakilan, lapor Kyodo News.

Seramai 49 ahli parlimen dewan rendah parti itu akan memilih melalui undian majoriti mudah antara dua calon -- Takeshi Shina, 59, bekas Pemangku Ketua Penggubal Dasar Parti Demokratik Perlembagaan Jepun (CDPJ), dan Junya Ogawa, 54, bekas Setiausaha Agung CDPJ.

Pemilihan singkat selama dua hari itu diadakan menjelang sidang khas parlimen minggu depan bagi memilih perdana menteri negara itu susulan kemenangan besar gabungan pemerintah yang dipimpin oleh Perdana Menteri Sanae Takaichi.

CRA kehilangan lebih separuh daripada 167 kerusi yang dimilikinya sebelum pertandingan dewan rendah pada Ahad, menyebabkan ketua bersamanya Yoshihiko Noda dan Tetsuo Saito, masing-masing bekas ketua CDPJ dan parti Komeito, meletak jawatan untuk bertanggungjawab.

Penggal pemimpin baharu itu akan berjalan sehingga akhir Mac tahun depan.

CRA ditubuhkan pada Januari oleh ahli dewan rendah daripada CDPJ dan Komeito hanya beberapa minggu sebelum pilihan raya awal itu, menyaksikan Parti Demokratik Liberal (LDP) pimpinan Takaichi memenangi lebih dua pertiga majoriti dalam dewan yang mempunyai 465 anggota.

Walaupun 28 daripada ahli CRA yang baru dipilih berasal dari pihak Komeito, tiada seorang pun menyertai persaingan kepimpinan. Disokong oleh organisasi Buddha awam terbesar di Jepun, Soka Gakkai, Komeito mengakhiri pakatan 26 tahunnya dengan LDP pada Oktober.

Pemimpin baharu itu akan menghadapi cabaran untuk meredakan geseran dalaman yang berpunca daripada tanggapan layanan istimewa terhadap calon daripada Komeito dalam proses pemilihan, yang menyebabkan pihak CDPJ hanya mempunyai 21 kerusi selepas kehilangan lebih 100 kerusi.

Komeito berjaya memenangi semua calon yang ditonjolkan, kerana diberikan keutamaan dalam senarai perwakilan berkadar CRA sebagai balasan kerana menarik diri daripada 289 kawasan pilihan raya tunggal, termasuk satu yang sebelum ini diduduki oleh Saito.

Prestasi buruk CRA dalam pilihan raya itu menjadikannya parti pembangkang utama terkecil dalam sejarah Jepun pascaperang, tidak mempunyai keperluan minimum untuk mengemukakan rang undang-undang berkaitan bajet atau usul tidak percaya terhadap Kabinet secara bersendirian.

Ahli parlimen CDPJ dan Komeito di dewan yang satu lagi, iaitu Dewan Kaunselor, masih belum bergabung di bawah payung CRA. - ©BERNAMA

## Pesawat penumpang nyaris terhempas dekat Prague

**PRAGUE**, 13 Feb. - Sebuah pesawat dalam perjalanan dari Lisbon ke Prague dilaporkan nyaris mengalami tragedi, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Akhbar Czech, MF Dnes, melaporkan pada Khamis bahawa pesawat tersebut kehilangan ketinggian secara mendadak sehingga berada hanya sekitar 300 meter dari aras bumi. Hanya selepas itu juruterbang berjaya menarik semula pesawat Airbus A320neo tersebut ke atas.

Institut Siasatan Kemalangan Udara Czech telah membuka siasatan. "Kami sedang menyiasat kejadian ini sebagai insiden serius," kata seorang jurucakap rasmi.

Sistem radar kawalan trafik udara menunjukkan pesawat itu terbang di bawah ketinggian yang ditetapkan. Seorang pengawal trafik udara kemudian memberi amaran kepada kru.

Kejadian itu berlaku hampir sebulan lalu berhampiran Istana Krivoklat, sekitar 35 kilometer di barat Lapangan Terbang Antarabangsa Prague.

Seorang penumpang yang berada di dalam pesawat tersebut memberitahu edisi dalam talian akhbar Pravo bahawa "keadaan itu sangat mengerikan kerana saya menyangka kami terpaksa mengelak sesuatu halangan." Pada saat itu, katanya, beliau hanya teringat pada keluarganya. - ©BERNAMA

## Afrika Selatan akan kerah tentera basmi kumpulan jenayah

**PRETORIA**, 13 Feb. - Tentera Afrika Selatan akan dikerahkan untuk membantu penguatkuasaan undang-undang dalam usaha membasmi kumpulan jenayah, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Bagi mengukuhkan perjuangan kita menentang keganasan geng, saya mengerahkan Angkatan Pertahanan Negara Afrika Selatan untuk menyokong polis," kata Presiden Afrika Selatan, Cyril Ramaphosa, dalam ucapannya kepada negara pada Khamis.

Menurut beliau, Menteri Polis dan angkatan pertahanan telah diarahkan untuk membangunkan pelan teknikal bagi pengerahan tentera ke wilayah Western Cape dan Gauteng dalam beberapa hari akan datang.

Ramaphosa menambah bahawa beliau akan memaklumkan kepada parlimen mengenai masa, lokasi, dan kos pengerahan itu, seperti yang diperuntukkan oleh perlembagaan negara. - ©BERNAMA

## UNICEF : Pengambilan kanak-kanak oleh kumpulan bersenjata di Haiti meningkat 200 peratus

**HAMILTON (Kanada)**, 13 Feb. - Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada Khamis memaklumkan bahawa pengambilan kanak-kanak oleh kumpulan bersenjata di Haiti meningkat 200 peratus pada 2025, mencerminkan apa yang disifatkannya sebagai pergantungan yang semakin meningkat terhadap eksploitasi kanak-kanak di tengah-tengah keganasan yang semakin buruk, lapor Anadolu Ajansi (AA).

UNICEF memperingati "Hari Tangan Merah" yang disambut setiap 12 Feb bagi meningkatkan kesedaran mengenai pengambilan kanak-kanak sebagai tentera.

Sambil menyifatkan situasi kanak-kanak di Haiti sebagai "kritikal", UNICEF berkata, "Lebih 1.4 juta orang menjadi pelarian dalaman, lebih separuh daripadanya kanak-kanak yang berdepan krisis bertindih termasuk keganasan bersenjata, bencana alam dan kemiskinan melampau".

"Hak kanak-kanak tidak boleh dirunding," kata Ketua UNICEF Catherine Russell dalam kenyataan itu, sambil menambah bahawa "setiap kanak-kanak mesti dilindungi. Dan setiap kanak-kanak yang direkrut atau digunakan oleh kumpulan bersenjata mesti dibebaskan dan disokong supaya mereka boleh pulih, kembali belajar dan membina semula masa depan mereka".

UNICEF menegaskan bahawa merekrut kanak-kanak ke dalam kumpulan bersenjata adalah pelanggaran serius terhadap hak mereka serta melanggar undang-undang antarabangsa. Kanak-kanak yang terlibat berdepan risiko termasuk kecederaan, keganasan seksual, penderaan psikologi, penahanan sewenang-wenangnya dan kehilangan akses kepada pendidikan.

Agensi itu menggesa semua pihak berkuasa berkaitan supaya "memperkukuh sistem perlindungan kanak-kanak dan memastikan akses selamat serta berterusan kepada perkhidmatan penting," selain "memperkukuh usaha pengesanan dan penyatuan semula keluarga apabila ia demi kepentingan terbaik kanak-kanak dan boleh dilakukan dengan selamat".

"Kanak-kanak yang dikaitkan dengan kumpulan bersenjata tidak boleh dianggap sebagai pelaku jenayah," kata Russell, sambil menegaskan bahawa mereka mesti menerima perkhidmatan pemulihan yang sesuai serta dilindungi daripada risiko tambahan, stigma atau tindakan balas.

Pada November 2024, UNICEF melaporkan bahawa jumlah kanak-kanak yang direkrut oleh kumpulan bersenjata di Haiti meningkat 70 peratus dalam tempoh setahun. Haiti telah lama bergelut dengan keganasan kumpulan bersenjata dan ketidakstabilan politik. Keganasan semakin memuncak selepas pembunuhan Presiden Jovenel Moise pada 2021.

Perdana Menteri interim Claude Joseph mengambil alih jawatan buat sementara waktu sebelum digantikan oleh Ariel Henry. Kumpulan bersenjata yang bersaing kemudiannya menguasai ibu negara Port-au-Prince, memaksa Henry meletak jawatan pada April 2024. Kumpulan bersenjata dilaporkan menguasai kira-kira 80 peratus kawasan ibu negara.

Ahli perniagaan dan ahli politik Haiti, Alix Didier Fils-Aime, mengangkat sumpah sebagai perdana menteri interim pada 11 Nov 2024. Beliau menggantikan Garry Conille susulan keputusan Majlis Presiden Peralihan untuk menyusun semula kerajaan di tengah-tengah krisis keselamatan.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, lebih 1,379 orang terbunuh atau cedera di Haiti manakala 428 lagi diculik antara April hingga Jun 2024.

Kira-kira 5.5 juta orang memerlukan bantuan kemanusiaan segera di tengah-tengah krisis kemanusiaan yang kompleks akibat pergolakan awam, penyakit, ketidakstabilan ekonomi dan ketidakamanan. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

## SUPASTRIKAS FC TEWASKAN PANCHOR MURAI FC 4-2



ANTARA aksi perlawanan di antara Supastrikas FC menentang Panchor Murai FC (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Februari. - Supastrikas FC memulakan Kejohanan Bola Sepak Yakin Tri-Cup Invitational Challenge 2026 dengan kejayaan 4-2 ke atas Panchor Murai FC di Kompleks Sukan JKR, Berakas.

“Para pemain telah menunjukkan semangat juang yang tinggi sepanjang perlawanan. Kami telah menurunkan gandingan pemain bawah 18 tahun dan senior bagi mengimbangi cabaran ke atas Panchor Murai FC yang telah membuahkan hasil yang membanggakan,” jelas Pengurus Supastrikas FC, Awang Shahrul Azlan bin Haji Md. Zain.

Beliau berharap pemain-pemain akan dapat mengekalkan momentum yang menarik itu pada perlawanan kedua menentang PKT FT pada hujung minggu ini.

Sekalipun menerima saingan menarik daripada Panchor Murai FC, skuad Supastrikas FC berjaya memperoleh jaringan di awal minit ke-29 menerusi Ahmadi Fahmi Haji A. Yahya dan seterusnya menambah jaringan pada minit ke-65 hasil rembatan menarik Muhd. Shafique Aiman Ariffin.

Ketinggalan dua jaringan, Panchor Murai FC berjaya rapatkan jaringan pada minit ke-66 namun rembatan Mohammad Aznil membantu Supastrikas FC kembali menjarakkan kedudukan pada minit ke-81 untuk kedudukan 3-1

Jaringan menerusi sepakan penalti yang dihadiahkan untuk Panchor Murai FC pada minit ke-81 bagaimanapun tidak mampu untuk menyuntik semangat pasukan itu apabila Ahmadi Fahmi Haji A. Yahya sekali lagi berjaya menambah derita Panchor Murai FC pada minit akhir perlawanan yang berkesudahan dengan jaringan 4-2.

Terdahulu, Pengurus Am Yakin Sports, Awangku Mohd. Adam Zikry bin Pengiran Zamri melancarkan kejohanan berkenaan di Kompleks Sukan JKR, Berakas. Kejohanan anjuran Yakin Sports itu disertai oleh Panchor Murai FC dari Daerah Brunei dan Muara manakala Supastrikas FC dan PKT FT dari Daerah Tutong.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**



## Kejohanan bantu perkukuh pembangunan bola sepak

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Februari. - Kejohanan Bola Sepak Yakin Tri-Cup Invitational Challenge 2026 menjadi medan terbaik buat tiga kelab bola sepak tempatan yang sedang meningkat naik serta mempunyai potensi tinggi untuk mengukuhkan kedudukan mereka ke arah penyertaan dalam kejohanan domestik, Liga Bola Sepak Kebangsaan serta penyertaan kejohanan di luar negara.

Kejohanan anjuran Yakin Sports itu akan disertai oleh Panchor Murai FC dari Daerah Brunei dan Muara manakala Supastrikas FC dan PKT FT dari Daerah Tutong akan bersaing secara liga di Kompleks Sukan JKR, Berakas.

Pengurus Am Yakin Sports, Awangku Mohd. Adam Zikry bin Pengiran Zamri berkata bahawa kejohanan berkenaan merupakan ujian penting bagi ketiga-tiga pasukan terlibat dalam usaha memantapkan prestasi, di samping menjadi langkah persediaan awal sebelum menyertai kejohanan peringkat kebangsaan dan perancangan jangka panjang ke peringkat luar negara.

Menurutnya, pemilihan tiga pasukan jemputan dibuat berdasarkan prestasi semasa serta potensi jangka panjang mereka dalam landskap bola sepak tempatan.

"Yakin Tri-Cup Invitational Challenge 2026 memberi pendedahan kepada pertandingan berkualiti tinggi kepada pasukan yang sedang membangun, selain berperanan sebagai platform bagi persediaan penting ke arah persaingan dalam Liga Bola Sepak Kebangsaan," jelasnya semasa Mesyuarat Penyelarasan Kejohanan yang berlangsung di Ibu Pejabat HiTUNE Group of Companies, Kampung Mata-Mata, di sini.

Beliau turut menambah kejohanan tersebut juga akan memfokuskan kepada pembangunan pemain, di samping sebagai platform untuk jurulatih, pengurus pasukan serta pegawai teknikal bagi mengemas kini peranan dan memperkukuhkan pengurusan pasukan masing-masing.

"Kejohanan yang menjadi inisiatif Yakin Sports ini adalah usaha kerjasama dan sokongan kepada pembangunan bola sepak tanah air yang berharap diperluaskan dengan penglibatan lebih banyak pasukan pada masa akan datang," ujarnya.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**




**PENGURUS Am Yakin Sports, Awangku Mohd. Adam Zikry bin Pengiran Zamri semasa hadir pada Mesyuarat Penyelarasan Kejohanan Bola Sepak Yakin Tri-Cup Invitational Challenge 2026.**

## Tahukah Awda

**LIVING** *fossil* ditemukan di Negara Brunei Darussalam (NBD). Borneo Earless Monitor (Lanthanotus borneensis) adalah sejenis biawak endemik Borneo yang jarang ditemui, satu-satunya spesies yang diketahui dalam keluarga Lanthanoidae, spesies biawak purba. Ia merupakan spesies haiwan monitor tanpa telinga yang mampu mendengar, walaupun ia tidak mempunyai telinga luaran yang boleh dilihat. Sama seperti ular, haiwan berkenaan mempunyai lidah bercabang yang digunakan untuk menghidu makanan mereka. Ini adalah kali pertama spesies biawak berkenaan ditemui di NBD. Spesies biawak berkenaan adalah haiwan yang dilindungi sepenuhnya oleh Akta Hidupan Liar Brunei 1984.

**SUMBER :** *Pelita Brunei, Oktober 2022.*